

## NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN

Notis diberi menurut Kaedah 10, Kaedah-Kaedah Institut Akauntan Malaysia (Keanggotaan dan Majlis), 2001, bahawa Institut Akauntan Malaysia akan mengadakan **Mesyuarat Agung Tahunan Kedua Puluh Dua** pada hari **Sabtu, 20 September 2008 jam 2.00 petang** di Pusat Konvensyen & Hotel Berjaya Times Square, No. 1, Jalan Imbi, 55100 Kuala Lumpur.

---

### AGENDA

1. Untuk memilih tiga (3) anggota Majlis bagi tahun berikutnya menurut peruntukan perenggan (g) subsekyen (1) seksyen 8, Akta Akauntan, 1967.

Anggota - anggota Majlis yang berikut ini telah bersara mengikut peruntukan perenggan kecil (1)(b) kepada perenggan 2B, Jadual Kedua Akta Akauntan, 1967 dan tidak menawarkan diri untuk dilantik semula di mesyuarat agung tahunan yang akan datang:

Peter Lim Thiam Kee  
Paul Chan Wan Siew  
Dato' Raymond Liew Lee Leong

Pencalonan telah diterima berkenaan anggota-anggota berikut untuk pemilihan ke Majlis:

Abd Razak Bin Hj Nazahdin  
Abraham Verghese  
Heng Ji Keng  
Mohd Afrizan Bin Husain  
Alex Ooi Thiam Poh  
Stephen Oong Kee Leong

2. Ucapan Presiden.
3. Untuk menimbang dan menerima minit-minit Mesyuarat Agung Tahunan Kedua Puluh Satu yang telah diadakan pada 29 September 2007 (*minit Mesyuarat Agung Tahunan boleh dimuat turun di laman web Institut, [www.mia.org.my](http://www.mia.org.my)*).
4. Untuk menerima laporan tahunan Majlis.
5. Untuk menerima penyata kewangan Institut bagi tahun berakhir 30 Jun 2008 serta laporan juruaudit berkenaan dengannya.
6. Untuk meluluskan Resolusi-Resolusi berikut yang dicadangkan oleh Majlis:

#### Resolusi 1:

*ADALAH DENGAN INI DIPUTUSKAN BAHAWA menurut Seksyen 7 Akta Akauntan 1967 dan tertakluk kepada kelulusan oleh Menteri Kewangan, pindaan-pindaan kepada Kaedah-Kaedah Institut Akauntan Malaysia (Keanggotaan dan Majlis) 2001 seperti yang terkandung di dalam Lampiran 1 diterima kesemuanya dan hendaklah berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri.*

Resolusi 2:

*ADALAH DENGAN INI DIPUTUSKAN BAHAWA menurut Seksyen 7 Akta Akauntan 1967 dan tertakluk kepada kelulusan oleh Menteri Kewangan, pindaan-pindaan kepada Kaedah-Kaedah Institut Akauntan Malaysia (Tatatertib) 2002 seperti yang terkandung di dalam Lampiran 2 diterima kesemuanya dan hendaklah berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri.*

7. Lain-lain urusan.

Dengan perintah Majlis



ROSLI BIN ABDULLAH  
Pendaftar

27 Ogos 2008

## **MAJLIS 2007/2008**

**MAJLIS 2007/2008**

		Kedatangan
<b>Presiden</b>	NIK MOHD HASYUDEEN BIN YUSOFF	10
<b>Naib Presiden</b>	DATUK ABDUL SAMAD BIN HAJI ALIAS, DR	9
<b>Seksyen 8(1)(a)</b>	DATO' MOHD SALLEH MAHMUD	
	HAJI SAHAR OTHMAN	7
<b>Seksyen 8(1)(b)</b>	PROF. MADYA DR SUSELA DEVI SELVARAJ	7
	DATO' PROFESOR DR DAING MOHD NASIR BIN DAING IBRAHIM	4
	PROF. MADYA DR NORMAN BIN MOHD SALLEH	5
	PROF. MADYA DR HJ SHAHUL HAMEED BIN MOHAMED IBRAHIM	5
	PROFESOR DR IBRAHIM KAMAL BIN ABDUL RAHMAN	5
<b>Seksyen 8(1)(c)</b>	DATO' NORDIN BAHARUDDIN	8
<b>Seksyen 8(1)(d)</b>	CHRISTINA CONSTANCE FOO	8
	MOHAMMAD FAIZ MOHD AZMI	6
	MICHAEL EOW KWAN HOONG	6
<b>Seksyen 8(1)(e)</b>	DATO' AHMAD JOHAN BIN MOHAMMAD RASLAN	3 (dilantik pada 16 September 2007)
<b>Seksyen 8(1)(f)</b>	BEH TOK KOAY	8
	Y C LEE	5
	LIEW KIM YUEN	6
	MOHAMED RASLAN BIN ABDUL RAHMAN	6
	DATUK NUR JAZLAN BIN TAN SRI MOHAMED	3
	UTHAYA KUMAR A/L K VIVEKANANDA	3
	SEOW YOO LIN	6
<b>Seksyen 8(1)(g)</b>	PETER LIM THIAM KEE	9
	SAM SOH SIONG HOON	10
	PAUL CHAN WAN SIEW	8
	CHEN VOON HANN	10
	YEO TEK LING	9
	DATO' RAYMOND LIEW	9
	DR THILLAISUNDARAM A/L ARUMUGAM	7

	LAM KEE SOON	6
	ABD HALIM BIN HUSIN	8
	BILLY KANG WEI GEIH	6 (dilantik pada 29 September 2007)
<b>Pendaftar</b>	HAJI ROSLI BIN ABDULLAH	
<b>Pengarah Eksekutif</b>	HO FOONG MOI	
<b>Juruaudit</b>	Audit Negara Malaysia	
<b>Pejabat Berdaftar dan Alamat</b>	Dewan Akauntan No 2 Jalan Tun Sambanthan 3 Brickfields 50470 Kuala Lumpur	
Bilangan Mesyuarat Majlis: 10		

						
	Dato' Mohd Salleh Mahmud Accountant General	Nik Mohd Hasyudeen Yusoff President	Datuk Abdul Samad Haji Alias (Dr) Vice President	Haji Sahar Othman Deputy Accountant General, Corporate		
						
	Prof. Dato' Dr Daing Mohd Nasir Daing Ibrahim	Prof Dr Ibrahim Kamal Abdul Rahman	Assoc Prof. Dr Norman Mohd Saleh	Assoc Prof Dr Shahul Hameed Mohamed Ibrahim	Assoc. Prof. Dr Susela Devi Selvaraj	
						
	Mohammad Faiz Mohammad Azmi	Dato' Nordin Baharuddin	Christina Constance Foo			
						
YC Lee	Liew Kim Yuen	Mohamed Raslan Abdul Rahman	Datuk Nur Jazlan Mohamed	Seow Yoo Lin	Uthaya Kumar A/L Vivekananda	
						
Abd Halim Husin	Chan Wan Siew, Paul	Chen Voon Hann	Kang Wei Geih, Billy	Lam Kee Soon	Lim Thiam Kee, Peter	Dato' Liew Lee Leong, Raymond
						
		Soh Siong Hoon, Sam	Dr Thillaisundaram Arumugam	Yeo Tek Ling	Michael Eow	Beh Tok Koay
						
			Haji Rosli bin Abdullah Registrar			

Imej Dato' Ahmad Johan bin Mohammad Raslan tidak di sertakan.

# KENYATAAN PRESIDEN

## KENYATAAN PRESIDEN



**NIK MOHD HASYUDEEN YUSOFF**  
**PRESIDEN INSTITUT AKAUNTAN MALAYSIA (MIA)**

Laporan Tahunan ini menyerlahkan pencapaian Institut Akauntan Malaysia (MIA) untuk tahun kewangan yang lalu. Meskipun ia merupakan tempoh yang mencabar untuk MIA yang beroperasi dalam peningkatan persekitaran dinamik, semua aktiviti MIA dipandu oleh visinya untuk menjadi rakan kongsi perniagaan yang diiktiraf dan dihormati secara global serta komited kepada pembangunan negara.

Di Malaysia, ahli-ahli datang dari pelbagai bidang termasuklah Kerajaan, perdagangan dan industri, amalan awam dan akademik. Mereka berkhidmat dalam pelbagai industri termasuklah pasaran modal dan syarikat kecil dan sederhana yang menyumbang kepada sebahagian besar dari ekonomi negara. Mereka turut terlibat dalam pentadbiran awam di samping mengasah minda generasi muda. Pada dasarnya, akauntan memainkan peranan penting dalam membantu menyemarakkan lagi pembangunan negara.

Penglibatan akauntan dalam rangkaian penawaran pelaporan kewangan amat meluas. Perkembangan terbaru di dalam sektor korporat Malaysia berkenaan kesilapan dalam tadbir urus korporat dan kredibiliti pelaporan kewangan juga menjadi keimbangan MIA.

Turut bersangkut-paut, adalah perkembangan peranan akauntan. Tidak lagi terhad kepada 'bean-counters' dalam menjalankan fungsi kewangan, peranan mereka semakin meluas sebagai pembuat keputusan dan pemimpin strategik. Ia memerlukan asas yang kuat – tahap kecekapan dan skil yang tinggi di samping kebolehan untuk berpegang teguh kepada ketegasan kod etika profesional bagi mengekalkan kepercayaan umum.

Oleh itu, dalam menguruskan kehendak pelbagai pihak berkepentingan profesional dan memberi maklum balas kepada pelbagai pemangkin pasaran, maka kini terdapat lebih keperluan untuk akauntan menjadi lebih relevan, dinamik dan beretika dalam cara mereka menjalankan tugas.

Mengiktiraf peranan mereka dalam menjaga kepentingan awam dan mengekalkan kredibiliti profesion, MIA berusaha mengawal selia profesion menerusi strategi tiga serampang yang terdiri daripada pendidikan dan pembangunan, mempromosi piawaian dan nilai profesional di



samping melaksanakan tanggungjawab pengawasan dan penguatkuasaan. Ini merupakan perkara-perkara genting dalam memelopori kemajuan profesion.

### **Membawa profesion ke tahap seterusnya dengan cadangan Pindaan Akta Akauntan, 1967**

Salah satu inisiatif yang paling penting dan holistik yang diambil oleh MIA bagi memastikan profesion maju ke hadapan dan dapat disesuaikan dengan cabaran-cabaran seperti globalisasi, pertambahan liberalisasi perdagangan dalam perkhidmatan dan keperluan untuk menjaga kepentingan awam, ialah dengan penyerahan cadangan Pindaan ke atas Akta Akauntan, 1967. Berdasarkan maklum balas positif yang diterima melalui penyerahan Dokumen Rundingan berkenaan cadangan pindaan tersebut, Badan Bertindak MIA telah melengkapkan cadangan pindaan dan menyerahkan cadangan tersebut kepada Akauntan Negara pada 16 Jun 2008.

Satu daripada butiran penting dalam cadangan ini termasuklah mengukuhkan fungsi penguatkuasaan Institut. Cadangan ini turut mengandungi penubuhan Lembaga Disiplin Perakaunan, pertambahan kuasa penyiasatan Institut, dan pengenalan kepada penyertaan pihak luar dalam Jawatankuasa Disiplin dan Lembaga Rayuan Disiplin.

Bagi terus memacu pembangunan kapasiti untuk ahli-ahli profesion, satu penilaian kecekapan untuk kemasukan ke Institut turut dicadangkan. Pada masa kini, selain dari mengiktiraf kelayakan yang ditetapkan oleh Akta untuk tujuan kemasukan sebagai ahli, Akta tidak menjalan sebarang bentuk penilaian ke atas kebolehan dan kecekapan profesional ahli-ahli Institut. Bagi membolehkan profesion perakaunan kekal bersaing, standard kemasukan untuk akauntan profesion perlu diperkenalkan selaras dengan amalan antarabangsa.

Bagi mengatasi masalah kekurangan akauntan berbakat dalam negara, pindaan turut bertumpu kepada cadangan untuk membenarkan pendaftaran sementara akauntan asing menjalankan amalan dalam negara secara sementara dan mengikut kes-kes tertentu. Tambahan lagi, cadangan turut menekankan keperluan untuk para ahli supaya diberi lebih pilihan terutamanya pilihan untuk mempunyai syarikat liabiliti terhad.

### **Penglibatan**

MIA turut mengiktiraf tentang perlunya bekerjasama dengan organisasi pihak-pihak berkepentingannya bagi memastikan pendekatannya ke arah mengawal selia profesion, kekal dinamik dan relevan. Kami terlibat secara aktif dalam dialog-dialog dengan Suruhanjaya Sekuriti, Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan pengawal selia yang lain bagi membincangkan perkara-perkara yang penting. Pada bulan Februari tahun ini, MIA telah menandatangani Memorandum Persefahaman dengan SSM untuk mendukung kepentingan awam dan memelihara suasana tadbir urus yang baik bagi membolehkan akauntan mendapat lebih akses kepada inisiatif pendidikan dan pembangunan yang relevan.

MIA turut memahami keperluan untuk bekerjasama dengan badan perakaunan profesional terutamanya membuka peluang kepada para ahli untuk terus meneroka. Salah satu inisiatif ialah menandatangani perjanjian pengiktirafan bersama (MRA) dengan CPA Australia pada pertengahan tahun lepas. Kami turut bekerjasama dengan Association of Chartered and

Certified Accountants melancarkan penerbitan yang bertajuk 'Easy Guide to Setting Up Accountancy Practices in ASEAN Countries'.

### **Meningkatkan persaingan ahli-ahli**

Selain dari itu, kami turut menjalin hubungan kerja dengan agensi-agensi seperti, antaranya Small and Medium Industries Development Corporation (SMIDEC) dan Perbadanan Produktiviti Negara (NPC) untuk menggalakkan persaingan di kalangan akauntan.

Pada bulan Mei 2008, MIA telah menandatangani MoU dengan SMIDEC bagi membolehkan para ahli mendapatkan akses kepada subsidi latihan dari SMIDEC untuk membantu para ahli dalam pembangunan modal insan.

### **Menyumbang kepada tadbir urus terbaik bagi pasaran modal yang lebih kukuh**

Sebagai akauntan, peranan kita dalam mendukung integriti pasaran Malaysia adalah paling utama. Dalam pada kita terus tekun menanamkan nilai-nilai profesional dalam tugas kita, MIA turut menyumbang kepada kesejahteraan pasaran modal Malaysia menerusi Jawatankuasa Pelaksanaan Piawaian Pelaporan Kewangan (FRSIC) yang terus menggalakkan pematuhan FRS yang lebih baik di Malaysia.

FRSIC telah menerima sebanyak 14 isu dalam tempoh yang dilaporkan. Lapan isu telah diterima untuk pertimbangan FRSIC, yang mana 3 projek telah dikeluarkan kesepakatan dalam tahun kewangan 2008 dan 1 projek telah dikeluarkan kesepakatan pada bulan Julai 2008. Empat isu telah ditolak untuk perbincangan lanjut oleh FRSIC, manakala dua lagi tidak disambung.

### **Meletakkan Malaysia di limpahan cahaya global**

MIA terus menyumbang kepada badan perakaunan global dan serantau dalam kapasitinya sebagai suara profesion perakaunan Malaysia. Sebagai badan ahli IFAC, MIA telah mengambil bahagian dalam pelbagai jawatankuasa organisasi dan baru-baru ini MIA telah menjadi wakil kepada Jawatankuasa Amalan Kecil dan Sederhana dan Jawatankuasa Negara-negara Membangun.

Dari segi penglibatan serantau, MIA terlibat dengan dua jawatankuasa dan Badan Bertindak dalam CAPA, iaitu Jawatankuasa Strategik dan Kajian Semula Tadbir Urus dan juga Badan Bertindak Sementara untuk Perakaunan Alam sekitar CAPA dan Projek CSR; sebuah projek yang terlibat dengan isu perubahan cuaca dan bagaimana untuk menguruskan gas rumah hijau.

Sumbangan MIA dalam membangunkan profesion perakaunan di rantau ASEAN telah diiktiraf apabila saya telah dilantik sebagai Naib Presiden Persekutuan Akauntan Asean (AFA) di Mesyuarat Majlis AFA ke-92 pada 9 Disember 2007. MIA dikatakan berkaliber untuk mengetuai AFA dan menjulang AFA ke peringkat tertinggi, dengan itu pelantikan kali ini berbeza dari kebiasaan yang berdasarkan kepada penggiliran.

Ini pastinya cara yang baik untuk merealisasikan peranan MIA sebagai rakan kongsi dalam pembangunan negara dan kami berusaha untuk meletakkan Malaysia dipeta perakaunan global terutamanya apabila Kongres Akauntan Sedunia ke-18 (WCOA) berlangsung pada 2010.

### **Pentingnya Individu**

Selain dari rangka kerja kawal selia yang baik, kecekapan MIA turut bergantung pada kepimpinan dan pengurusan. Individulah yang menjadi asas kukuh kepada apa yang kita ingin capai.

Kami terus berusaha mendapatkan profesional terbaik untuk berkhidmat dalam Majlis, jawatankuasa dan pengurusan MIA dan saya berharap agar mendapat lebih ramai individu yang berkualiti untuk berada di satu lagi takuk tertinggi bagi memenuhi kehendak di masa depan.

### **Penghargaan**

Adalah amat menggembirakan kerana perikatan perakaunan, pembuat piawaian, pengawal selia dan pelbagai pihak berkepentingan terus menyumbang ke arah pembangunan profesion perakaunan di Malaysia. Ini mesti diteruskan bagi memastikan cabaran-cabaran akan datang boleh diatasi. Jika ini berjaya dilakukan, saya pasti kredibiliti profesion akan kekal tanpa terjejas dan kepentingan awam akan terus terbela.

Bagi pihak Majlis, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak-pihak berkepentingan yang mana sokongan dan kerjasama yang disumbangkan telah banyak membantu Institut dalam meningkatkan profesion. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Akauntan Negara, YBhg Dato' Mohamad Salleh Mahmud atas sokongan yang tidak ternilai dalam membawa Institut dan profesion ke peringkat tertinggi.

Akhir kata, saya ingin merakamkan penghargaan kepada Ahli Majlis yang telah menunjukkan komitmen penuh kepada kemajuan Institut dan profesion. Kepimpinan dan dedikasi Pendaftar, Tuan Haji Rosli Abdullah, Pengarah Eksekutif, Pn. Ho Foong Moi, dan juga kakitangan Pusat Pengurusan Institut, pastinya amat penting dalam pelbagai kejayaan yang dicapai setakat ini.

Terima kasih.

## **KENYATAAN PENGARAH EKSEKUTIF**

## KENYATAAN PENGARAH EKSEKUTIF



**HO FOONG MOI**

Tahun lalu merupakan satu lagi tahun yang mencabar bagi Institut kerana profesion perakaunan sekali lagi menjadi perhatian kesan daripada beberapa skandal korporat yang melibatkan ketidaktentuan perakaunan. Institut telah mengambil langkah-langkah dan pendekatan-pendekatan untuk menghadapi kebimbangan pihak pengawal selia dan persepsi negatif oleh orang awam kepada profesion secara amnya.

Wawasan Institut adalah menjadi rakan perniagaan yang komited kepada pembangunan negara yang diiktiraf dan dihormati di peringkat global. Untuk mencapai wawasan ini, kredibiliti profesion mesti dikekalkan dan ditingkatkan agar Institut ini diiktiraf dan dihormati. Oleh itu, peranan Institut sebagai pengawal selia profesion menjadi semakin penting.

### **Penstrukturan Semula Pusat Pengurusan**

Dalam tempoh yang dilaporkan, Pusat Pengurusan terus membangun dan mengembangkan peranannya untuk menjadi dinamik dan proaktif bagi mencapai objektif Institut dan kecekapan tahap tertinggi dalam operasi Institut.

Bagi menghadapi pertambahan cabaran ke atas profesion dan Institut, tiga strategi serampang telah dibentuk pada penghujung tahun 2007 menghasilkan penstrukturan semula Pusat Pengurusan kepada Divisyen-divisyen berikut:-

- Pendidikan & Pembangunan
- Piawaian & Amalan Profesional
- Pengawasan & Penguatkuasaan

Divisyen-divisyen tersebut disokong oleh Divisyen Perkhidmatan Sokongan.

Divisyen Pendidikan & Pembangunan menumpukan kepada bidang pendidikan, latihan dan membina kemampuan para ahli. Objektifnya ialah untuk meningkatkan pengetahuan, skil dan kecekapan para ahli di samping menyemai nilai etika yang tinggi bagi memenuhi keperluan awam.

Fokus Divisyen Piawaian & Amalan Profesional adalah untuk mempromosikan pendirian kepada piawaian dan amalan-amalan profesional yang merupakan tanda aras kepada piawaian antarabangsa. Sehubungan dengan itu, Jawatankuasa Pelaksanaan Piawaian Pelaporan Kewangan (FRSIC) yang telah dilancarkan pada tahun lepas telah membuat perkembangan baik dan telah mengeluarkan sejumlah Kesepakatan FRSIC sebagai panduan kepada para ahli dalam melaksanakan Piawaian Pelaporan Kewangan di Malaysia. Divisyen ini turut memantau semua perkara yang melibatkan piawaian pengauditan dan etika di samping garis panduan kawal selia dan percukaian.

Pelbagai langkah dan pendekatan telah diambil untuk meningkatkan kapasiti dan kecekapan Divisyen Pengawasan dan Penguatkuasaan. Jika sebelum ini kakitangan terlibat dalam portfolio yang lain, kini mereka menumpukan sepenuhnya kepada tugas pengawasan dan penguatkuasaan serta bidang yang berkaitan. Divisyen ini meliputi Jabatan Semakan Amalan, Jabatan Semakan Penyata Kewangan dan Jabatan Pengawasan yang menjalankan prosiding penyiasatan dan disiplin Institut.

Bagi mengatasi persepsi negatif pengawal selia dan orang awam terhadap kes-kes berprofil tinggi yang melibatkan ketidakpastian perakaunan, Institut telah memperkenalkan proses pengawasan bagi memantau kes-kes sedemikian yang tersiar di media dari masa ke semasa. Di samping itu, Jabatan Pengawasan telah diarahkan oleh Majlis untuk sentiasa mengikuti prosiding berkenaan kes-kes pasaran modal yang dirujuk oleh pihak pengawal selia. Sehubungan dengan itu, Institut telah bekerjasama rapat dengan pihak pengawal selia dan kami amat menghargai bantuan dan sokongan mereka. Pusat Pengurusan turut menghargai masa dan usaha yang dijalankan oleh Jawatankuasa Penyiasatan dalam melengkapkan siasatan ke atas sejumlah kes-kes dalam tahun yang dilaporkan.

Divisyen Perkhidmatan Sokongan terus mengenal pasti pendekatan untuk meningkatkan perkhidmatan kepada para ahli Institut. Pada tahun ini, buletin mingguan telah diperkenalkan yang dihantar kepada para ahli menerusi e-mel. E-Berita (E-News) bulanan turut dipertingkatkan dan diperbaiki. Institut turut memulakan pembangunan semula besar-besaran ke atas laman web Institut untuk menjadikannya lebih dinamik dan memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada para ahli.

## **Strategi Kakitangan**

Kakitangan Institut merupakan aset utama dan strategi kami ialah merekrut dan mengekalkan kakitangan terbaik sebaik mungkin. Bagi mencapai objektif ini, Institut telah melantik seorang perunding sumber manusia untuk tempoh jangka pendek bagi membantu Jabatan Sumber Manusia (HRD) untuk membangun dan melaksanakan strategi efektif bagi tujuan ini. Petunjuk Prestasi Utama (KPI) telah diperkenalkan pada tahun lepas untuk menilai prestasi kakitangan. Pada tahun ini, HRD dan perunding tersebut telah menambah baik sistem pengurusan prestasi.

Institut turut berjaya mengisi kekosongan beberapa jawatan penting terutamanya untuk Divisyen Piawaian & Amalan Profesional dan Pengawasan & Pematuhan yang memerlukan kakitangan dengan pengetahuan dan skil yang khusus. Kami berharap dengan sumbangan dan input mereka, Institut akan menjadi lebih bersedia dalam menghadapi cabaran yang mendatang.

## **Kongres Akauntan Sedunia 2010**

Kongres Akauntan Sedunia (WCOA) 2010 merupakan projek paling utama yang dijalankan oleh Institut sejak penubuhannya. Projek yang merupakan projek kebangsaan akan memberi kesan bukan sahaja kepada Institut dan profesion perakaunan Malaysia tetapi juga kepada negara secara keseluruhannya. Menyedari fakta ini, sekumpulan mereka yang berdedikasi telah dilantik untuk menguruskan projek ini. Persediaan sedang berlangsung dan dijangka akan bertambah rancak pada tahun 2009.

## **Penghargaan**

Institut terus semakin sibuk dengan tahun yang penuh dengan aktiviti-aktiviti dan acara-acara. Secara operasinya, kami telah mengambil pelbagai langkah dan pendekatan yang disebut di atas untuk menghadapi cabaran-cabaran dan memenuhi harapan pihak-pihak yang berkepentingan. Pengemaskinian proses dan kawalan dalaman sedang dijalankan dan kami akan terus bekerja keras untuk mempertingkatkan sistem penyampaian Institut dalam semua aspek.

Bagi pihak Pusat Pengurusan, saya ingin merakamkan penghargaan kami kepada Majlis Institut atas sokongan dan panduan, dan kepercayaan yang diberikan kepada kami. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada para ahli, pihak yang berkepentingan dan semua rakan sekerja di Pusat Pengurusan yang telah memberikan komitmen dan sokongan dalam menyumbang kepada kejayaan Institut sepanjang tahun ini.

# **LAPORAN MAJLIS**





## PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN

### A. PENDIDIKAN

#### a) Akreditasi

Fungsi akreditasi MIA bertindak untuk menilai dan mengakreditasi kelayakan perakaunan bagi tujuan kemasukan sebagai ahli. Ini bagi memastikan kualiti kelayakan perakaunan adalah selaras dengan piawaian antarabangsa. Bagi tahun yang dilaporkan, beberapa aktiviti utama dijalankan termasuklah:

- **Menyemak permohonan akreditasi dari Universiti Industri Selangor (UNISEL) tentang program Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian).**

Sebuah Jawatankuasa Badan Bertindak akan dibentuk untuk menjalankan pengakreditasi bagi memastikan program tersebut memenuhi keperluan MIA bagi tujuan disenaraikan di bawah Bahagian I, Jadual Pertama Akta Akauntan 1967.

- **Memupuk hubungan rapat dengan pihak yang berkepentingan**

Dua buah mesyuarat telah diadakan di antara Institut dengan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) pada 20 November 2007 dan 7 April 2008 untuk membincangkan penubuhan Jawatankuasa Teknikal Bersama (JTC) untuk akreditasi. Penubuhan MQA adalah hasil gabungan di antara Lembaga Akreditasi Negara dan Divisyen Jaminan Kualiti Kementerian Pendidikan Tinggi.

Di bawah Akta MQA 2007 yang telah diluluskan oleh Parlimen pada bulan Julai 2007, sebarang permohonan untuk akreditasi program profesional dan kelayakan profesional mesti melalui JTC. Sehubungan dengan itu, JTC yang terdiri daripada ahli Jawatankuasa Akreditasi MIA, wakil-wakil daripada MQA dan Jabatan Perkhidmatan Awam akan ditubuhkan.

#### b) Pendidikan

Fungsi Pendidikan MIA adalah membawa lebih pembangunan kepada profesion melalui kerjasama rapat dengan Kementerian Pendidikan Tinggi (MOHE), Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), institusi-institusi pengajian tinggi dan badan-badan perakaunan profesional yang lain di Malaysia dalam meningkatkan dan mengedarkan sebarang perkembangan dalam pendidikan perakaunan dan profesion di Malaysia. Sepanjang tahun yang dilapor, antara projek yang dijalankan menurut fungsi ini termasuklah:

- **Penilaian Kecekapan**

MIA sedang membentuk Model Penilaian Kecekapan yang akan menentukan standard untuk kemasukan ahli-ahli ke dalam profesion.

Pada masa kini, MIA telah mengenal pasti beberapa konsultan luar yang akan bekerjasama dengan kami dalam membangunkan Model Penilaian Kecekapan (CAM) yang lengkap dan efektif. MIA kini dalam proses meneliti cadangan-cadangan yang dihantar oleh konsultan.

- **Melibatkan ahli akademik – Perbincangan Meja Bulat tentang “Pendidikan Perakaunan : Memperkukuhkan Masa depan”**

Sebagai sebahagian daripada strategi untuk mengukuhkan hubungan dengan pihak-pihak berkepentingan yang utama, MIA telah menganjurkan Perbincangan Meja Bulat pada 2 April 2008 dengan universiti-universiti Malaysia. Perbincangan yang telah dipengerusikan oleh Presiden MIA ini dihadiri oleh 36 orang peserta dari universiti-universiti awam dan swasta yang terpilih dan juga ahli-ahli Jawatankuasa Pendidikan. Objektif perbincangan adalah untuk menyediakan perkembangan terkini tentang isu-isu semasa berkenaan dengan pendidikan perakaunan dan mengenal pasti bagaimana MIA boleh bekerjasama dengan pihak-pihak berkepentingan dalam akademik untuk mengukuhkan profesion di Malaysia.

- **Ceramah Kerjaya**

Dalam mempromosikan profesion perakaunan di semua peringkat, MIA telah mengadakan ceramah kerjaya dan pendidikan di institusi-institusi pengajian tinggi awam dan swasta serta sekolah-sekolah. Ceramah tersebut menumpukan kepada pendidikan dan memupuk minat di kalangan para pelajar di institusi-institusi pengajian tinggi dan juga para pelajar sekolah-sekolah menengah untuk mempertimbangkan perakaunan sebagai kerjaya mereka pada masa depan. Pelajar-pelajar didedahkan tentang saluran-saluran untuk menjadi akauntan bertauliah dan kepentingan menjadi ahli.

**BILANGAN CERAMAH KERJAYA (JULAI 2007 – JUN 2008)**

Kategori	Sesi
Sekolah Menengah	3
Institusi Pengajian Tinggi Awam	11
Institusi Pengajian Tinggi Swasta	6
Institusi Pengajian Tinggi (Asean)	1
<b>JUMLAH</b>	<b>21</b>


**c) Peperiksaan Kelayakan**

Peperiksaan Kelayakan MIA yang kesembilan dan kesepuluh telah berjaya diadakan pada 19-20 September 2007 dan 18-19 Mac 2008 di lima buah pusat iaitu UiTM Shah Alam dan Pejabat Cawangan MIA di Penang, Kuching, Kota Kinabalu dan Johor Bahru. Seramai 235 dan 171 calon telah menduduki peperiksaan pada bulan September 2007 dan Mac 2008.

Keputusan peperiksaan untuk bulan September 2007 amat memuaskan dengan kadar kelulusan yang lebih tinggi dan 4 calon mendapat kepujian untuk Percukaian serta Perakaunan dan Laporan Kewangan Lanjutan. Walau bagaimanapun, keputusan untuk bulan Mac 2008 tidak memuaskan berbanding dengan yang sebelumnya dengan kadar kelulusan yang rendah dan hanya 2 orang calon mendapat kepujian. Seramai 29 orang calon yang telah berjaya lulus semua kertas peperiksaan baru-baru ini dan ini telah meningkatkan jumlah graduan keseluruhan kepada 78 orang.


**KEPUTUSAN PEPERIKSAAN KELAYAKAN MIA SEPTEMBER 2007**

	CUKAI	BCL	AFAR	AUD
LULUS DENGAN KEPUJIAN	1	0	3	0
LULUS	16	8	23	29
GAGAL	54	60	52	45
TIDAK HADIR	10	15	12	11
<b>JUMLAH</b>	<b>81</b>	<b>83</b>	<b>90</b>	<b>85</b>



**KEPUTUSAN PEPERIKSAAN KELAYAKAN MIA MAC 2008**

	CUKAI	BCL	AFAR	AUD
LULUS DENGAN KEPUJIAN	0	1	1	0
LULUS	9	11	6	5
GAGAL	35	34	38	56
TIDAK HADIR	10	15	17	8
<b>JUMLAH</b>	<b>54</b>	<b>61</b>	<b>62</b>	<b>69</b>



<b>Nota:</b>
CUKAI : Percukaian
BCL : Undang-undang Perniagaan dan Syarikat
AFAR: Perakaunan dan Laporan Kewangan Lanjutan
AUD : Perkhidmatan Pengauditan dan Jaminan

- **Kajian Penyelidikan tentang Peperiksaan Kelayakan MIA**

MIA sedang menjalankan penyelidikan ke atas pencapaian Peperiksaan Kelayakannya (QE). Hasil kajian akan membolehkan kita menilai dan memperbaiki lagi Peperiksaan Kelayakan MIA bagi faedah para ahlinya secara khusus dan profesion secara amnya.

Sehubungan dengan itu, sekumpulan penyelidik dari Universiti Putra Malaysia telah dilantik untuk menjalankan penyelidikan dengan objektif berikut:

- a) Untuk menganalisis pencapaian calon-calon dalam peperiksaan kelayakan MIA;
- b) Untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mungkin menyumbang kepada pencapaian calon-calon yang kurang memuaskan;
- c) Untuk membuat cadangan-cadangan dan syor-syor bagi meningkatkan pencapaian calon-calon; dan
- d) Untuk membuat cadangan tentang struktur, format Peperiksaan Kelayakan MIA dan lain-lain yang berkenaan.

Penyelidikan dijangka siap pada bulan Oktober 2008.

## **B. PENDIDIKAN PROFESIONAL BERTERUSAN**

Jabatan Pendidikan Profesional Berterusan (CPE) diamanahkan dengan tanggungjawab mengekalkan kecekapan profesional para ahli MIA dari sudut pengetahuan dan kemahiran di samping membentuk bukan ahli yang bekerja dan menyokong profesion perakaunan. Fungsi strategi Jabatan CPE adalah selaras dengan strategi keseluruhan MIA yang bermatlamat untuk mengekalkan kredibiliti profesion perakaunan bagi mendukung kepentingan awam dan juga untuk berkhidmat dan menjaga kepentingan pihak-pihak yang berkepentingan dengan Institut secara efektif.

Fungsi harian Jabatan CPE termasuklah menjalankan kerja-kerja penyelidikan, merumuskan program CPE, mendapatkan fasilitator, pemasaran, dan menyampaikan program-program. Penawaran utama Jabatan CPE adalah latihan bengkel-bengkel dan seminar-seminar dalam bidang teknikal, aplikasi IT, dan kemahiran insaniah. Penawaran ini dikategorikan kepada peringkat operasi, taktikal dan strategik dan secara khusus disediakan untuk para ahli Institut dan bukan ahli daripada profesion perakaunan. Para ahli Institut ditawarkan yuran yang lebih

rendah. Selain daripada latihan bengkel-bengkel dan seminar-seminar, Jabatan CPE juga menganjurkan persidangan-persidangan dan acara-acara khas yang sesuai dengan profesion perakaunan. Antara pencapaian Jabatan CPE dalam tahun kewangan termasuklah:

- Program latihan dan seminar

Mencapai sehingga 450 buah program latihan dan seminar. Program-program ini meliputi pelbagai topik dalam bidang piawaian laporan kewangan, perakaunan kewangan, perakaunan pengurusan, percukaian, pengauditan, tadbir urus korporat, pengurusan modal kerja, perbankan dan kewangan korporat, undang-undang korporat, pengurusan risiko, perancangan strategik, pengurusan pencapaian, aplikasi perisian teknologi maklumat, kepimpinan, kemahiran komunikasi dan banyak lagi.

- Persidangan Akauntan Kebangsaan (NAC) 2007

NAC telah diadakan pada 12-13 November di Pusat Konvensyen KLCC, Kuala Lumpur. Bertemakan "Towards Excellence Achieving World Class", acara ulung untuk akauntan dan pemimpin korporat ini telah memecah rekod dengan penyertaan seramai 2,021 orang.

- Persidangan Wilayah 2007 di Johor Bahru

Bertemakan "Southern Malaysia: Driving Regional Economic Growth" dan diadakan pada 10-11 September di Persada Johor International Convention Centre, Johor Bahru. Acara ini dihadiri oleh lebih kurang 250 orang profesional.

- Menyokong pembangunan kemampuan untuk profesion

Dalam usaha untuk menyokong dan membangunkan tenaga kerja perakaunan yang berkhidmat untuk SME, MIA telah memohon dan menjadi penyokong penyedia latihan SMIDEC pada tahun ini. Peserta dari SME yang menghadiri program latihan yang diluluskan oleh Jabatan CPE diberi subsidi latihan sebanyak 80%, maka mereka hanya membayar sebanyak 20% daripada yuran latihan. **Kakitangan firma-firma amalan yang berada dalam kategori SME layak menerima subsidi ini.**

### C. HAL EHWAL ANTARABANGSA

MIA terus mempromosi kepentingan profesion di Malaysia dengan terlibat secara aktif dalam dialog-dialog dan meningkatkan kerjasama dan usaha sama dengan pelbagai badan perakaunan di peringkat antarabangsa dan wilayah.

Menerusi Jawatankuasa Globalisasi dan Liberalisasi dan Jabatan Hal Ehwal Antarabangsa dan Projek-projek Khas, Institut turut memantau rapi aliran dan perkembangan global yang memberi kesan kepada profesion perakaunan tempatan, di samping proses globalisasi dan liberalisasi perniagaan dalam perkhidmatan di peringkat pelbagai hala, serantau dan dua hala.

Berikut adalah maklumat terkini penyertaan Institut dalam arena antarabangsa sepanjang tahun yang dilapor:

- **Globalisasi dan Liberalisasi**

- **Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO)**

Kerjasama rapat terjalin di antara MIA dan MITI berhubung rundingan perdagangan pelbagai hala bagi perundingan perdagangan dalam perkhidmatan di bawah Perjanjian Umum Perdagangan dalam Perkhidmatan (GATS) sektor Perkhidmatan Perakaunan, Pengauditan dan Simpan Kira (CPC 862).

MIA akan terus memantau perkembangan perundingan GATS bagi memastikan kedudukan dan kepentingan para ahli dan firma-firma ahli tidak terjejas dalam menghadapi tekanan luar yang timbul berikutan liberalisasi perdagangan dalam perkhidmatan.

- **Perjanjian Rangka Kerja Perkhidmatan ASEAN (AFAS)**

MIA terus terlibat dalam perundingan di bawah AFAS, yang dijalankan di mesyuarat Jawatankuasa Penyelaras Perkhidmatan ASEAN (CCS). Secara keseluruhannya, tiga buah mesyuarat CCS telah dijalankan sepanjang tempoh yang dilaporkan.

Dalam tempoh yang dilaporkan, jadual akhir komitmen kepada Komitmen Pakej Kelima di bawah AFAS telah ditandatangani oleh Menteri-menteri Ekonomi ASEAN (AEM) pada bulan Oktober 2007. Rangka Kerja Aturan Pengiktirafan untuk Perkhidmatan Perakaunan telah diputuskan pada masa ini dan dijangka akan ditandatangani oleh Menteri-menteri pada bulan Ogos 2008.

- **Perjanjian Perdagangan Bebas**

Sepanjang tahun ini, MIA turut terlibat dalam menjelaskan kedudukannya dan melibatkan diri dalam proses rundingan untuk perjanjian perdagangan dua hala yang berikut:

- Malaysia – US FTA (MUSFTA)
- Malaysia – Australia FTA
- Malaysia – New Zealand FTA

Pakistan dan Malaysia terlibat dalam perjanjian perdagangan bebas di bawah Perjanjian Perkongsian Perapatan Ekonomi Malaysia – Pakistan (MPCEPA), yang bermula pada 1 Januari 2008.

MUSFTA terus menjadi tumpuan utama pada tempoh yang dilaporkan. Institut terus bergiat aktif dalam memberikan pandangan profesion dan bekerjasama rapat dengan kerajaan menyampaikan pandangan negara ke atas FTA ini.

Selain daripada itu, Malaysia juga berunding tentang Perjanjian Kerjasama Ekonomi Menyeluruh (CECA) dengan India.

- **Organisasi Serantau**

- Persekutuan Akauntan ASEAN (AFA)

MIA terus memainkan peranan aktif dalam Majlis AFA. Empat buah mesyuarat Majlis AFA telah dijalankan dalam tempoh yang dilapor.

Semasa Mesyuarat Majlis AFA yang ke-92 di Jakarta, Indonesia, Presiden MIA, Nik Mohd Hasyudeen Yusoff, telah dilantik sebagai Naib-Presiden AFA.

Kemudiannya di Mesyuarat AFA ke-94, Majlis AFA telah melantik MIA sebagai Penyelaras Projek untuk projek yang dikenal pasti pada Pelan Operasi dan Strategik AFA 2008-2011.

MIA turut mengetuai dalam melengkapkan kaji selidik tentang "Identification on the Needs and Expectations of the AFA Member Bodies" dan laporan tersebut telah diedarkan kepada semua ahli badan AFA.

- Persekutuan Akauntan Asian dan Pasifik (CAPA)

MIA merupakan ahli CAPA yang aktif, sebuah badan serantau yang mempunyai keahlian sebanyak 31 buah organisasi perakaunan di 21 buah negara. Objektif utama CAPA ialah menerajui perkembangan peningkatan dan kerjasama profesion perakaunan di rantau Asia-Pasifik.

Pada Mesyuarat Agung Tahunan CAPA yang berlangsung di Osaka, Jepun, MIA turut dilantik sebagai ahli lembaga CAPA.

Pada masa kini, MIA terlibat dengan dua buah Jawatankuasa dan Badan Bertindak CAPA, iaitu Jawatankuasa Strategik dan Kajian Semula Tadbir Urus serta Badan Bertindak Sementara untuk Perakaunan Alam Sekitar CAPA dan Projek CSR, sebuah projek yang berurusan dengan isu perubahan cuaca dan bagaimana untuk menguruskan gas rumah hijau. Isu-isu ini yang telah menjadi agenda utama dalam kebanyakan ekonomi matang, turut menjadi isu penting di kalangan kebanyakan ahli badan CAPA.

- **Kumpulan Fokus Pengeksportan Perkhidmatan**

Kumpulan Fokus telah ditubuhkan dalam tahun 2005 dengan tujuan untuk menggalakkan kesedaran eksport di kalangan firma-firma ahli dan untuk membantu penumpuan fokus firma-firma ahli mencapai matlamat mereka dalam bidang ini.



Keahlian Kumpulan Fokus telah meningkat daripada 26 buah firma pada 2006/2007 kepada 31 buah pada hujung tahun yang dilapor.

Antara aktiviti yang dijalankan semasa tempoh yang dilaporkan adalah:-

- Kunjungan hormat ke MATRADE dan SMIDEC

Pada 6 Julai 2007, MIA telah berjaya menganjurkan kunjungan hormat ke MATRADE dan SMIDEC di pejabat baru mereka di Menara MATRADE, Jalan Duta. Objektif kunjungan hormat adalah untuk memperkenalkan firma-firma ahli dengan semua kemudahan yang ada untuk mereka. MATRADE dan SMIDEC turut memberi taklimat berhubung dengan perkhidmatan eksport dan penjenamaan.

Taklimat tersebut bertujuan untuk memberi pengetahuan mendalam kepada para ahli MIA dan firma-firma ahli tentang bagaimana MATRADE dan SMIDEC membantu penyedia perkhidmatan profesional untuk membangun dan mempromosi pasaran eksport mereka. Pelbagai geran dan insentif yang ada turut diperincikan dalam taklimat tersebut.

- Forum Pengamal Bersama Malaysia – Indonesia

Pada 14 Ogos 2007, MIA telah bekerjasama dengan Ikatan Akuntan Indonesia menganjurkan Forum Pengamal Bersama Kedua untuk pengamal perakaunan Malaysia dan Indonesia di Corus Hotel di Kuala Lumpur.

Forum tersebut yang bertemakan “Maximising Opportunities through Regional Cooperation”, memaparkan penceramah terkenal yang berceramah tentang pelbagai topik yang sesuai dengan senario perakaunan semasa. Acara ini dihadiri oleh 47 orang pengamal daripada kedua-dua buah badan.

- Pameran Perkhidmatan Malaysia 2008, Sharjah

Dari 13-15 Januari 2008, MIA telah mengambil bahagian dalam Pameran Perkhidmatan Malaysia (MSE) yang pertama, yang diadakan dengan jayanya di Pusat Ekspo Sharjah, United Arab Emirates dan dianjurkan oleh Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE). Ini merupakan inisiatif terbaru MATRADE untuk mempromosi sektor perkhidmatan Malaysia, yang telah dikenal pasti sebagai enjin ketiga pertumbuhan di bawah Pelan Utama Industri ke-3 (IMP3), dengan tujuan untuk menjenamakan perkhidmatan Malaysia di luar negara.

Objektif MSE 2008 adalah untuk mempromosi perkhidmatan dari Malaysia kepada Asia Barat dan sekitar rantau ( Afrika Utara, Sub-benua India dan negara-negara CIS), mencapai dan terus meningkatkan kebolehan dan kecekapan perkhidmatan Malaysia, penjenamaan perkhidmatan Malaysia dengan memaparkan pencapaian syarikat-syarikat Malaysia di arena antarabangsa, dan menyediakan tapak untuk penyedia perkhidmatan

Malaysia untuk bekerjasama dan menempa perikatan strategik dengan klien-klien yang berpotensi atau rakan kongsi mereka di luar negara.

Sebanyak 165 buah syarikat termasuk persatuan mempamerkan perkhidmatan mereka di pameran tersebut. Tiga firma berkaitan perakaunan turut mengambil bahagian dalam pameran tersebut. Acara tiga hari ini menarik minat 3,656 pelawat perdagangan dan umum.

- Perbadanan Perkembangan Perkhidmatan Profesional (PSDC)

MIA membentangkan cadangan untuk penubuhan Panel Perundingan PSDC untuk Kelompok Perkhidmatan Sokongan Perniagaan. Cadangan termasuklah, antaranya, sokongan PSDC ke atas golongan profesional di Malaysia berdasarkan kepada kumpulan kepentingan khusus dan keahlian turut merangkumi perkhidmatan bukan kawal selia memandangkan terdapat perkhidmatan baru terbentuk disebabkan oleh sektor perkhidmatan yang semakin berkembang.

- **Hubungan Dua Hala**

Tahun yang dilapor merupakan tahun yang berjaya untuk MIA dari sudut perkembangan hubungan dengan beberapa rakan sejawat luar negara.

Sepanjang tahun yang dilapor, MIA menjadi tuan rumah kepada beberapa delegasi dari beberapa persatuan perakaunan luar negara seperti Association of Government Accountants of the Philippines – EV Chapter dan Philippine Institute of Certified Public Accountants (PICPA), yang inginkan sesi perbincangan/ceramah tentang gambaran keseluruhan profesion perakaunan di Malaysia di samping peranan dan fungsi-fungsi Institut.

Institute of Cost and Works Accountants of India (ICWAI), National Accountants Certificate Centre (NACC) of Ministry of Finance of the People’s Republic of China dan Economy Finance Training and Research Institute (EFITRI) of Vietnam turut melawat MIA di antara bulan November dan Disember.

Pada bulan Februari 2008, MIA telah menganjurkan lawatan untuk berjumpa dengan pegawai-pegawai dari Institute of Certified Public Accountants of Singapore (ICPAS) dan Accounting and Corporate Regulatory Authority (ACRA) untuk mendapatkan gambaran lebih jelas tentang proses kajian semula kualiti dan untuk mengenal pasti bidang yang perlu dipelajari oleh Institut dan berkongsi di antara satu sama lain.

Pada masa kini, Institut sedang meneroka jalan lain yang dapat menyumbang kepada matlamat Institut untuk membantu firma-firma ahli yang bercadang untuk mengeksport perkhidmatan mereka ke luar negara. Salah satu usaha terkini Institut adalah membuat hubungan dengan Chinese Institute of Certified Public Accountants (CICPA) di Beijing dan

perancangan sedang berjalan untuk mengadakan mesyuarat dengan CICPA untuk meneroka kerjasama pada masa depan di antara kedua buah Institut.

## **D. PEMBANGUNAN AHLI-AHLI**

### **1. AMALAN AWAM**

Jabatan Amalan Awam telah disusun semula pada bulan November 2007 untuk memberi lebih tumpuan bidang perkembangan profesional untuk para ahli dalam amalan awam. Kebanyakan aktiviti Jabatan melibatkan penganjuran seminar-seminar dan penerangan-penerangan yang kami percaya akan menggerakkan kesedaran yang perlu di kalangan ahli-ahli di amalan awam.

3 acara utama untuk tahun ini termasuklah :-

- Seminar Piawaian Laporan Entiti Persendirian (PERS) yang dianjurkan bersama dengan Jabatan Standard dan MASB.

Objektif seminar ini adalah untuk membangkitkan kesedaran di kalangan para ahli dalam amalan atau sebaliknya, tentang kesan PERS dan pengenalan awal kepada IFRS untuk piawaian SME. Seminar yang disertakan dengan sesi Kit Ujian Lapangan bertujuan untuk mendapat perhatian para ahli. Dengan landskap amalan di Malaysia yang terdiri daripada lebih 90% firma-firma dalam kategori SMP, topik ini kelihatannya relevan terutamanya untuk klien dari sektor SME.

Ia telah dianjurkan di 5 lokasi untuk memastikan liputan yang cukup diberikan kepada topik dan 384 orang ahli telah menghadiri seminar dan forum tentang sesi kit ujian lapangan. MIA telah dimaklumkan di mesyuarat Jawatankuasa SMP, IFAC bahawa antara ahli badan dalam Jawatankuasa yang mengambil bahagian dalam kit ujian lapangan, Malaysia merekodkan jumlah responden yang kedua tertinggi, selepas United Kingdom.

Menerusi seminar itu juga, MASB berjaya mengutip beberapa petunjuk yang kemudiannya di salurkan kepada IASB.

- Seminar Pengamal-pengamal

Dua buah seminar pengamal-pengamal yang penting telah dianjurkan sepanjang tahun. The Practitioners' Updates pada bulan September 2007 dan Forum SMP pada bulan Jun 2008 telah diterima baik dengan penyertaan seramai lebih daripada 500 orang pengamal. Sesi forum dan laporan terkini bertujuan untuk menyediakan platform bagi berkongsi hasil kajian terkini dan pengalaman MIA apabila berurusan dengan pengamal-pengamal dan juga untuk menyediakan saluran untuk para ahli pengamal menyuarakan keprihatinan mereka tentang perkembangan terkini profesion.

Dari sesi soal jawab yang dijalankan, para ahli menunjukkan peningkatan dalam kematangan dengan menerima bahawa peraturan sama ada dalam bentuk semakan amalan atau pematuhan CPE adalah perlu bagi membolehkan profesion terus maju. Para ahli turut sedar bahawa MIA serius tentang isu kredibiliti. Kesedaran tinggi terhadap ISQC 1 turut diberi perhatian memandangkan terdapat banyak pertanyaan berhubung dengan pelaksanaannya. Lebih penting lagi, dengan adanya semakan amalan, ia bukanlah urusan seperti biasa selepas Julai 2008.

- Taklimat tentang Penyatuan dan Perolehan

Sebuah taklimat tentang penyatuan dan perolehan telah diadakan di Park Royal, Kuala Lumpur pada bulan Oktober 2007 hasil daripada perbincangan kumpulan fokus sebelumnya yang dipengerusikan oleh Presiden MIA, En. Nik Mohd Hasyudeen Yusoff. Ia menarik perhatian lebih 140 orang ahli yang datang untuk mendengar pembentangan 10 buah firma mempamerkan tujuan mereka antaranya topik mengenai M & As. Kami percaya acara ini telah berjaya menekankan bidang yang perlu diberi tumpuan semasa perundingan dan keperluan pendokumenan bagi inisiatif untuk mendapatkannya di pelbagai peringkat. Turut dinyatakan laluan sukar yang diambil oleh SMP yang inovatif dalam bidang M & A.

- Penyerahan kepada Kementerian Kewangan tentang isu-isu yang relevan

- MIA telah membuat penyerahan kepada MOF isu-isu keperluan pelesenan agen cukai .
- MIA turut menghantar cadangan kod etika secara bersama dengan MIT dan MICPA pada bulan April 2008 yang memberi pandangan lebih terkini tentang perkara tersebut.

Menandatangani Memorandum Persefahaman dengan Perbadanan Produktiviti Negara (NPC) untuk mengesahkan projek tanda aras firma-firma.

Puncak kecemerlangan turut dicapai apabila kita berjaya mengesahkan projek tanda aras pada awal bulan April 2008 selepas sesi yang panjang selama 24 bulan. Laporan awal telah bincangkan di Forum SMP pada bulan Jun 2008 dengan perbincangan lebih mendalam yang dirancang untuk bulan Ogos 2008. Untuk tujuan rekod, MOU telah ditandatangani pada bulan September 2007 dengan NPC untuk memformalkan perkara tersebut.

Dalam tahun ini, Jabatan turut menganjurkan kunjungan hormat ke SIDC. Pengarah Eksekutif, Pn. Ho Foong Moi merupakan antara delegasi dalam perjumpaan dengan Ketua Pegawai Eksekutif, SIDC.

Jabatan turut terlibat dalam penyusunan soal selidik taksiran sendiri – satu daripadanya oleh UiTM dan satu lagi oleh Jabatan Semakan Amalan Institut. Versi akhir soal selidik

dijangka akan dipaparkan di laman web pada bulan Julai 2008 – seperti yang diarahkan oleh Majlis.

Terdapat juga sesi menandatangani MOU dengan SMIDEC yang dimulakan oleh Jabatan, yang memberi manfaat besar kepada Jabatan CPE Institut. MOU yang ditandatangani pada bulan April 2008, akan membenarkan Institut menuntut geran dari SMIDEC untuk mendapatkan subsidi atas program CPE untuk para ahli dalam amalan awam.

## **2. AKAUNTAN PROFESIONAL DALAM PERNIAGAAN**

- Anugerah Perakaunan Pengurusan Kebangsaan (NAfMA)

Institut bekerjasama dengan The Chartered Institute of Management Accountants (CIMA), Divisyen Malaysia menganjurkan NAfMA pada tahun 2007 buat kali yang kelima berturut-turut. Matlamat utama NAfMA ialah mengiktiraf dan mempromosi penggunaan amalan baik dalam perakaunan pengurusan ke arah pencapaian perniagaan bertaraf dunia di kalangan organisasi di Malaysia. Ia turut mempromosi dan menyerlahkan peranan akauntan profesional dalam perniagaan dalam mempamerkan perniagaan yang berjaya.

Terdapat 10 organisasi di peringkat akhir, dengan 7 penerima anugerah untuk kategori yang berbeza. Majlis makan malam NAfMA 2007 telah diadakan pada 13 Disember 2007 dan dirasmikan oleh YB Dato' Shahrir Abdul Samad, Pengerusi Jawatankuasa Akaun Awam.

YB Dato' Shahrir turut melancarkan kajian kes syarikat-syarikat yang menang untuk tahun 2005 dan 2006. Kajian kes tahun 2005 meliputi Nestle Bhd dan Ipoh Specialist Hospital manakala untuk tahun 2006 syarikat-syarikatnya adalah PHN Industry Sdn Bhd dan Pharmaniaga Bhd. Kajian kes mengetengahkan pencapaian pemenang anugerah dan ia bertujuan untuk berkongsi maklumat dan amalan baik dalam perakaunan pengurusan.

Pada tahun ini, usaha besar telah dibuat untuk mempromosikan NAfMA di dalam negara dan antarabangsa. Bengkel-bengkel telah diadakan di Kuala Lumpur, Selangor, Negeri Sembilan, Pulau Pinang dan Johor Bahru untuk menjelaskan kepada peserta yang berpotensi tentang proses penilaian dan kriteria untuk NAfMA 2008. Lawatan korporat turut diadakan untuk mempromosi penyertaan dalam NAfMA 2008.

- Jawatankuasa Akauntan Profesional dalam Perniagaan (PAIB) IFAC

Institut menyokong Jawatankuasa PAIB, IFAC dalam perkembangan dan pertukaran maklumat dan amalan baik untuk akauntan profesional dalam perniagaan.

Institut menghadiri satu mesyuarat Jawatankuasa PAIB, IFAC pada 3 Oktober 2007 dan terlibat dalam projek-projek PAIB, IFAC yang berikut:

- promosi artikel perakaunan pengurusan tempatan ke peringkat antarabangsa menerusi pertandingan Articles of Merit, IFAC. Salah satu artikel yang dihantar oleh Institut bertajuk 'Environmental Management Accounting: Towards a Sustainable Future' telah dipilih sebagai salah satu daripada 10 artikel terbaik untuk dimasukkan ke dalam penerbitan bagi tahun 2007.
- Institut mengedarkan kertas maklumat bertajuk "Business Planning Guide: Practical Application for SMEs" kepada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan, badan-badan ahli CAPA dan AFA. Penerbitan ini merupakan kerjasama di antara Institut dengan Jawatankuasa PAIB, IFAC. Penerbitan ini adalah panduan perancangan perniagaan yang praktikal dan alat yang amat berguna untuk pengurusan, amnya tetapi bukan secara khusus, beroperasi dalam bidang pasaran perniagaan kecil dan sederhana (SME). Topik yang dipilih adalah bagi mengiktiraf peranan dan kepentingan SME dalam pembangunan ekonomi.
- Institut mengulas Draf Dedahan Penyata Perakaunan Pengurusan Antarabangsa dan Panduan Amalan Baik Antarabangsa IFAC. Institut berpendapat Pendahulunya merupakan usaha penting IFAC dalam mempromosi keseragaman dan amalan baik dalam membuat keputusan ke atas komuniti global akauntan profesional dalam perniagaan. Ini juga selaras dengan objektif strategi IFAC dalam membangunkan panduan dan piawaian antarabangsa berkualiti tinggi yang akan meningkatkan tahap kecekapan akauntan profesional dalam perniagaan.
- Rangka Kerja Amalan Profesional Antarabangsa (IPPF) yang dikeluarkan oleh Institute of Internal Auditors (IIA)

Institut telah mengguna pakai Rangka Kerja Amalan Profesional Antarabangsa (IPPF) sebagai panduan tambahan kepada ahli-ahli dalam profesion audit dalaman. IPPF akan menggantikan garis panduan audit dalaman sedia ada. Pautan akan dibuat di laman web MIA bagi memudahkan para ahli merujuk kepada garis panduan tersebut bagi memastikan tugas mereka lebih efisien dan lebih dipercayai.

Struktur dan proses bersekutu IPPF dibentuk bagi memastikan panduan berwibawa itu adalah terkini, relevan dan konsisten di peringkat antarabangsa. Ia mengandungi 5 elemen termasuklah Kod Etika, Piawaian Antarabangsa, Makluman Amalan Kertas Kedudukan dan Panduan Amalan.

Amalan profesional audit dalaman dikuasai menerusi sistem berdasarkan kawal sendiri dengan piawaian yang diterima secara meluas, prinsip etika dan panduan lain yang menunjukkan amalan baik. Institut percaya audit dalaman paling menggambarkan objektif strategi pengurusan apabila audit dalaman dipersembahkan oleh profesional yang cekap selaras dengan piawaian profesional dan kaedah-kaedah kelakuan yang memerlukan kebebasan, penjagaan profesional, dan mekanisme jaminan kualiti yang efektif. Apabila audit dijalankan mengikut Piawaian, Jawatankuasa Audit dan Lembaga mendapat jaminan tambahan bahawa kawalan dalaman organisasi mencukupi untuk melindungi kepercayaan awam dalam sistem laporan kewangan.

Sebagai sebahagian daripada usaha untuk mengukuhkan pasaran modal menerusi tadbir urus terbaik, Bursa Malaysia turut menyokong IPPF dalam pindaan terbarunya kepada keperluan penyenaaran yang dikeluarkan pada 28 Januari 2008.

- Tinjauan SME

Sebuah projek penyelidikan bagi mengkaji 'Current Usage Patterns of Business and Professional Services among Small and Medium Enterprises (SMEs) in the Manufacturing and Distributive Trade Sectors' sedang dijalankan. Projek penyelidikan ini merupakan kerjasama di antara Institut dengan Universiti Malaya dan dibiayai oleh Malaysian Accountancy Research and Education Foundation (MAREF).

Tujuan kajian ini ialah untuk mengetahui perkhidmatan sokongan perniagaan yang membantu SME dalam membangunkan kelebihan persaingan. Kajian juga bertujuan untuk mengenal pasti jenis perkhidmatan yang didapati oleh SME daripada akauntan luar dan tahap kepuasan mereka daripada perkhidmatan ini.

Soal selidik untuk tinjauan ini telah diedarkan kepada SME dan laporan akhir tentang hasil tinjauan dijangka akan dikeluarkan pada bulan Ogos 2008.

## STANDARD DAN AMALAN PROFESIONAL

### A. Jawatankuasa Perakaunan dan Pengauditan (AAC)

Sepanjang tempoh yang dilaporkan, pelbagai aktiviti telah dijalankan seperti yang berikut:-

- Ujian Lapangan draf IFRS untuk SME oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Antarabangsa untuk SME telah dijalankan.
- Siri forum/seminar separuh hari sepanjang 5 hari telah dianjurkan bersama oleh Institut dan Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) dalam bulan Ogos 2007 yang mana para peserta diberi penerangan tentang draf IFRS untuk SME dan cara-cara untuk mengambil bahagian dalam ujian tersebut.
- Jawatankuasa memberi maklum balas kepada Lembaga Piawaian Perakaunan Antarabangsa terhadap draf dedahan Piawaian Laporan Perakaunan bagi Entiti Bersaiz Kecil dan Sederhana (draf IFRS untuk SME) dengan mengambil bahagian dalam Kit Ujian Lapangan yang dikeluarkan oleh IASB. Ujian Lapangan dikeluarkan oleh IASB untuk mengumpul maklum balas daripada penyedia-penyedia draf dedahan tersebut.
- MIA telah menerima 27 penyertaan daripada penyedia penyata kewangan SME, dan dokumen-dokumen tersebut telah diserahkan kepada IASB.

### B. Jawatankuasa Pelaksanaan Piawaian Pelaporan Kewangan (FRSIC)

Dalam tempoh yang dilaporkan, FRSIC MIA telah menerima sebanyak 14 isu sepanjang tahun kewangan 2008 bermula dari 1 Julai 2007 sehingga 30 Jun 2008 seperti yang berikut:

- a) **8 isu** telah diterima oleh FRSIC untuk dipertimbangkan, di mana tiga projek telah dipersetujui sepanjang tahun kewangan 2008 dan satu isu dipersetujui pada Julai 2008.
- b) **4 isu** telah ditolak untuk pertimbangan lanjut oleh FRSIC
- c) **2 isu** telah dihentikan

FRSIC juga telah menjalankan aktiviti-aktiviti yang berikut:

- **Dialog bersama Pertubuhan Juru Ukur Malaysia**

FRSIC telah mengadakan dialog bersama wakil-wakil daripada Pertubuhan Juru Ukur Malaysia pada 10 April 2008.

Dialog ini diadakan susulan maklum balas positif yang diterima daripada beberapa penilai profesional yang mengambil bahagian dalam kumpulan kerja projek FRSIC. FRSIC mempertimbangkan keperluan untuk membina satu platform untuk komunikasi yang



berterusan antara profesional perakaunan dengan profesion penilai. Terutamanya, apabila nilai saksama menjadi semakin penting dalam arena perakaunan, kepercayaan dan penglibatan yang tinggi adalah diharapkan daripada profesion penilai untuk menentukan nilai saksama bagi ukuran perakaunan dan tujuan dedahan.

Dialog ini membentuk satu permulaan yang baik untuk kedua-dua profesional sebagai platform komunikasi dengan tujuan utama untuk merapatkan jurang yang perlu antara kedua-dua profesion. Kedua-dua pihak telah sebulat suara bersetuju dengan penubuhan Jawatankuasa Teknikal Bersama (JTC) untuk meneliti keseragaman dan pematuhan piawaian yang mengawal selia kedua-dua profesion.

- **Ceramah tentang Skim Opsyen Saham Pekerja (ESOS)**

Pada 16 April 2008, FRSIC telah menganjurkan satu ceramah tentang Skim Opsyen Saham Pekerja (ESOS). Ceramah tersebut dibuka secara percuma kepada individu yang sebelum ini mengambil bahagian sebagai ahli dalam Kumpulan Kerja FRSIC. Penceramah tersebut, Mr Hugh J Osburn ialah seorang yang berkelayakan tinggi dan pakar yang berpengalaman dalam bidang penilaian. Beliau merupakan "fellow" bagi "Chartered Institute of Management Accountants, UK dan Ahli Bersekutu bagi Institute of Investment Management & Research, UK. Beliau merupakan penilai kanan yang diakreditasi dan juga ahli kepada American Society of Appraisers. Beliau pernah memegang jawatan Naib Presiden untuk International Financial Appraisal; divisyen dikalangan penasihat penilaian antarabangsa.

Mr. Osburn telah berkongsi pengalaman beliau tentang cara-cara praktikal untuk menggunakan input yang berguna dalam penilaian ESOS. Sesi selama 2 jam ini meliputi perkara-perkara penting tentang pemboleh ubah yang digunakan dalam penilaian ESOS seperti harga saham yang dijangka tidak tetap, bilangan pekerja, peletakan jawatan pekerja sebelum pemberian opsyen, perampasan opsyen, keadaan berdasarkan pasaran, keadaan pencapaian tidak berdasarkan pasaran dan lain-lain lagi.

Contoh-contoh praktikal telah digunakan untuk mendemonstrasikan kesan penggunaan pemboleh ubah dan senario yang berbeza. Ceramah tersebut diakhiri dengan sesi soal jawab.

Objektif utama ceramah ini adalah untuk berkongsi isu-isu semasa dan perkembangan berkaitan ESOS dengan fokus khusus tentang teknik penilaian dan pendekatan perakaunan.

Sambutan yang diterima amat menggalakkan dan para peserta telah melahirkan rasa puas hati dan penghargaan kepada FRSIC yang telah menganjurkan ceramah yang sangat informatif.

### **C. Percukaian**

Pelbagai aktiviti telah dijalankan oleh MIA di bawah Jawatankuasa Percukaian termasuk:

- **Dialog dengan pihak berkuasa yang berkenaan**

Institut telah mengemukakan beberapa memorandum atau penyerahan tentang perkara-perkara berkaitan percukaian kepada pihak berkuasa tertentu, termasuk Memorandum Teknikal Pasca Belanjawan 2008, komen/cadangan untuk memperbaiki prosedur dan sistem semasa Kastam, Memorandum Belanjawan Bersama 2009, Memorandum Operasi, dsb. Selepas penyerahan memorandum-memorandum tersebut, Institut telah mengadakan beberapa dialog dengan pihak berkuasa yang berkenaan, seperti Kementerian Kewangan (MOF), Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan Kastam DiRaja Malaysia (RMC).

Sepanjang tempoh yang dilaporkan, Institut telah mengadakan beberapa dialog bersama Jabatan Pengurusan Hasil dan Jabatan Teknikal LHDN untuk mendapatkan penjelasan lanjut terhadap undang-undang/garis panduan terkini dan juga untuk menyelesaikan masalah praktikal yang dihadapi oleh para ahli Institut. Institut juga telah menyatakan pendapat dan cadangannya tentang pelbagai isu dalam meningkatkan kepentingan profesion perakaunan di Malaysia. Antara isu yang dibangkitkan semasa Dialog Operasi pada 25 Februari 2008 adalah tarikh terakhir pengembalian borang nyata bagi syarikat-syarikat yang menutup akaun pada bulan Mac dan Disember, peralihan peruntukan untuk pembayaran dividen di bawah sistem "single tier", penggunaan kredit cukai, pelaksanaan pemfailan-e, pelepasan penalti di bawah Seksyen 107C(11) Akta Cukai Pendapatan, 1967, dsb. Seterusnya, Institut juga telah mengadakan beberapa mesyuarat dengan Jabatan Pengurusan Hasil LHDN dalam menangani isu-isu/masalah-masalah praktikal berkaitan dengan penyerahan borang nyata bagi tahun taksiran 2007 dan 2008.

Isu-isu pasca-belanjawan seperti pengurangan kadar cukai korporat, sistem "single tier", pengecualian kepada perniagaan baru bersaiz kecil dan sederhana daripada mengemukakan cukai berbayar yang dijangka, pelepasan cukai ke atas deposit akaun Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN), insentif untuk meningkatkan kawalan keselamatan barangan, hadiah bagi komputer baru dan yuran tahunan jalur lebar daripada majikan kepada pekerja, bayaran duti setem menggunakan penilaian persendirian, pengecualian duti setem ke atas belian harta kediaman dan isu-isu teknikal yang lain seperti perbelanjaan yang dibenarkan bagi Syarikat Pemegang Pelaburan, pendekatan percukaian bagi kerugian yang tidak diserap dan elaun modal adalah antara perkara-perkara yang dibangkitkan semasa Dialog Teknikal bersama LHDN pada 14 Disember 2007. Selain daripada itu, Institut juga telah mengambil bahagian dalam mesyuarat-mesyuarat bersama MOF dan LHDN dalam menangani isu-isu cukai yang timbul daripada pelaksanaan Piawaian Laporan Kewangan (FRS) dan untuk memperkemas pendekatan percukaian bagi manfaat pekerja, elaun dan faedah istimewa.

MIA telah membangkitkan dan mengemukakan cadangan-cadangan untuk memperbaiki prosedur dan sistem Kastam kepada Panel Semakan Percukaian dan juga semasa Mesyuarat Panel Rundingan Sektor Swasta 2/2007 yang diadakan pada 12 Disember 2007. Antara isu yang dibangkitkan adalah pemulangan balik duti/cukai yang dibayar, tempoh masa yang diambil untuk pemulangan balik atas kesilapan, pengecualian cukai perkhidmatan antara-kumpulan, garis panduan Kastam, ketetapan Kastam, Tribunal Rayuan Kastam, pembayaran/perbelanjaan, pembayaran balik hutang lapuk, tempoh masa untuk kelulusan pengecualian cukai jualan, memperbaiki laman web kastam, dsb. Selain daripada itu,

Institut telah membangkitkan isu-isu dan cadangan-cadangan kepada Jabatan Kastam DiRaja Malaysia kesan daripada pelaksanaan Perintah Duti Kastam 2007 dan ASEAN Harmonised Tariff Nomenclature (AHTN) 2007.

MIA bersama Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA) juga telah menyediakan dan menyerahkan Memorandum Belanjawan kepada Kementerian Kewangan pada 8 April 2008 bersempena dengan Belanjawan Kebangsaan 2009. Memorandum Belanjawan tersebut mengandungi beberapa cadangan untuk memperbaiki sistem cukai dan supaya proses cukai dilaksanakan dengan saksama. Institut dengan berbesar hati mengesahkan beberapa cadangan yang dikemukakan oleh Institut dalam Memorandum Belanjawan 2008 telah diterima oleh Kementerian Kewangan sebahagian atau sepenuhnya. Ini termasuklah cadangan Institut terhadap pengenalan sistem cukai korporat "single tier" dan potongan untuk hadiah atau komputer baru kepada pekerja.

- **Ulasan Belanjawan dan Informasi Cukai 2008**

Dengan kerjasama MICPA, MIT serta firma-firma perakaunan yang utama, Institut telah menerbitkan buku kecil Ulasan Belanjawan dan Informasi Cukai 2008 untuk faedah para ahli dan orang awam. Buku kecil ini mengandungi informasi cukai yang relevan dengan pindaan yang terkini ke atas perundangan yang relevan seperti yang dicadangkan dalam Belanjawan 2008 dan juga maklumat terkini berkaitan dengan cukai.

- **Talian Belanjawan**

Dalam usaha membantu para ahli dan juga orang awam, Institut bersama MIT telah menganjurkan Talian Belanjawan yang dikendalikan oleh panel perunding cukai daripada firma-firma perakaunan yang utama. Talian ini menyediakan saluran mudah untuk para ahli dan juga orang awam mendapatkan nasihat terhadap implikasi pindaan yang dicadangkan ke atas undang-undang cukai pendapatan selepas pengumuman Belanjawan Kebangsaan 2008.

#### **D. Kumpulan Kerja Pencegahan Pengubahan Wang Haram**

Pada bulan Ogos 2007, Institut telah menghadiri satu taklimat oleh Bank Negara Malaysia tentang keputusan fasa 1 Soal Selidik Taksir Sendiri ("SAQ") yang diedarkan kepada responden yang terpilih di kalangan ahli Institut dan profesion yang lain dalam bulan Mei 2007.

SAQ adalah satu cara untuk para ahli dalam amalan mematuhi syarat-syarat fungsi audit kebebasan di bawah S.19(2)(c) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001.

SAQ tersebut, yang mengandungi 28 soalan, bertujuan untuk menilai pematuhan di bawah Akta dan Garis Panduan yang dikeluarkan mengikut Akta tersebut, dapat dirumuskan bahawa –

- 8 responden (3 daripadanya merupakan ahli Institut) telah mendapat mata sebanyak 70% dan ke atas (menjawab dengan benar 20 soalan dan ke atas);
- 21 responden (1 daripadanya merupakan ahli Institut) telah mendapat mata antara 50% dan 69% (menjawab dengan benar antara 14 hingga 19 soalan);
- Baki seramai 33 responden (1 daripadanya merupakan ahli Institut) telah mendapat mata antara 4% dan 49% (menjawab dengan benar antara 1 hingga 13 soalan);
- Terdapat keperluan untuk mengetatkan polisi dan prosedur responden dalaman, dan latihan tentang pencegahan pengubahan wang haram dan pencegahan pembiayaan keganasan di kalangan para ahli dan kakitangannya; dan
- Kepercayaan responden terhadap petunjuk dan kemas kini yang dikeluarkan oleh badan profesional mereka (contohnya Institut) dipertimbangkan sebagai satu usaha untuk mematuhi peraturan-peraturan pengawal seliaan.

Dalam bulan April 2008, Institut juga telah dipelawa oleh Bank Negara untuk bergabung menganjurkan bengkel dan seminar bagi meningkatkan kesedaran di kalangan para ahli dalam bidang Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan peraturan-peraturannya.

#### **E. Etika**

Tujuan fungsi Etika MIA ialah merumus Undang-undang Kecil (Tentang Etika, Kelakuan dan Amalan Profesional) (Undang-undang Kecil Institut) dan untuk memastikan Undang-undang Kecil ini selaras dengan perkembangan antarabangsa dan tempatan yang relevan dan penting. Aktiviti utama yang dijalankan di bawah fungsi ini adalah seperti yang berikut:

- **Pengeluaran Draf Dedahan tentang cadangan tambahan kepada Undang-undang Kecil Kebebasan Juruaudit**

Pada 15 Julai 2007, Lembaga Piawai Etika Antarabangsa untuk Akauntan (IESBA) telah mengeluarkan Draf Dedahan dengan cadangan tambahan terhadap kebebasan juruaudit yang meliputi peruntukan perkhidmatan audit dalaman kepada klien audit, implikasi kebebasan berkaitan dengan saiz yuran yang relatif yang diterima daripada klien dalam urusan pemberian jaminan dan yuran kontinjen untuk perkhidmatan yang diberikan kepada klien dalam urusan pemberian jaminan.

Disebabkan oleh implikasi cadangan tersebut, Institut menerusi Jawatankuasa Etika telah meminta komen dan maklum balas daripada para ahli, pengawal selia dan pihak berkepentingan yang lain.

Jawatankuasa Etika membincangkan komen-komen yang diterima daripada pihak-pihak yang berkaitan ini dan merumuskan maklum balas kepada IFAC.

Sepanjang tempoh yang dilaporkan, Undang-undang Kecil MIA dipantau rapi bagi memastikan ia memenuhi standard dan obligasi yang diharapkan oleh para ahli Institut dan profesion secara keseluruhannya. Perubahan-perubahan kecil dibuat kepada peruntukan-peruntukan Undang-undang Kecil MIA di mana perlu.

## **F. Kumpulan Kerja Amalan Insolvensi**

Dalam bulan Ogos 2007, Jawatankuasa Penyusunan Semula Undang-undang (CLRC) telah mengeluarkan Dokumen Rundingan No. 10 bertajuk – “Reviewing the Corporate Insolvency Regime - The Proposal For A Corporate Rehabilitation Framework, Reviewing The Company Receivership Process, and Company Charges And Registration Process - Improvements To The Present Registration System”.

Kumpulan Kerja ini telah mengadakan mesyuarat dalam bulan September dan Oktober 2007 untuk membincangkan komen yang bersesuaian untuk dikemukakan kepada CLRC. Pada 11 Oktober 2007, Kumpulan Kerja (yang ditubuhkan bersama Jawatankuasa Amalan Insolvensi MICPA) telah menyerahkan pandangan serta komennya kepada CLRC.

## PENGAWASAN DAN PENGUATKUASAAN

### A. PENGAWASAN

#### a. Semakan Amalan

Program Semakan Amalan telah di formulasikan dengan tiga objektif. Ia adalah bertujuan untuk memastikan semua ahli di dalam amalan awam mengekalkan, memerhati dan mengaplikasikan piawaian-piawaian profesional yang berkaitan, bagi menjamin bahawa para ahli di dalam amalan awam, firma-firma dan kakitangan mereka adalah berdaya saing, beretika dan mengamalkan tanggungjawab profesional yang sewajarnya dalam menjalankan tugas; membantu ahli-ahli dalam amalan awam untuk mempertingkatkan mana-mana piawaian profesional yang perlu dan mengenal pasti bahagian-bahagian yang mana para ahli dalam amalan awam memerlukan bantuan dalam mengekalkan dan mematuhi piawaian-piawaian profesional.

- **Pemberitahuan**

Sepanjang tempoh yang dilaporkan, 96 pemberitahuan semakan telah dikeluarkan kepada firma-firma audit. Secara kumulatifnya jumlah firma audit yang telah terpilih untuk semakan telah meningkat kepada 363 dalam tahun 2008 (267 pada 2007).

- **Semakan**

Sehingga 30 Jun 2008, jabatan telah melengkapkan semakan terhadap 309 firma audit (209 pada 2007) manakala baki 54 firma lagi masih dalam semakan.

Jabatan ini telah merujuk 2 kes ke Jawatankuasa Penyiasatan kerana melanggar Undang-undang Kecil Amalan Awam sepanjang tempoh yang dilaporkan.

#### b. Audit CPE

Pendidikan Profesional Berterusan adalah suatu proses penting yang mana semua ahli profesional perlu melaluinya untuk mengekalkan kerelevanan di samping mendapatkan lebih pengetahuan. Walaupun selama ini para ahli telah menjalankan tanggungjawab untuk mengikuti pendidikan berterusan, MIA telah membangunkan satu mekanisme untuk membantu ahli-ahlinya mengawasi kepatuhan mereka.

Para ahli boleh mengemas kini kursus-kursus yang telah mereka hadiri (selain daripada program yang dianjurkan oleh Institut) melalui laman web Institut. Merujuk kepada kursus-kursus yang dianjurkan oleh MIA, pengemaskinian adalah secara automatik. Dengan cara ini, para ahli boleh memantau pembelajaran dan pertambahan jam kredit mereka sendiri. Sejak tahun 2005, apabila perkhidmatan ini diwujudkan, jumlah ahli yang menggunakan perkhidmatan ini telah meningkat.

MIA akan terus menjalankan Audit CPE tahunan. Untuk kitaran audit 2005 – 2007, sejumlah 5000 ahli telah diaudit, mewakili 24% daripada jumlah keahlian. Pada penghujung tahun kewangan, 56.38% telah mematuhi keperluan CPE, 14% gagal menyediakan bukti yang cukup untuk menyokong pematuhan mereka atau kekurangan jumlah jam kredit yang diperlukan. Sepanjang tempoh pengauditan, 0.3% ahli telah menamatkan atau digugurkan daripada keahlian, manakala 12.56% yang telah menerima notis audit gagal untuk memulangkan laporan. Majlis MIA telah memberikan pengecualian kepada 0.36% ahli yang diaudit atas sebab-sebab kesihatan. 16.4% akan dirujuk ke Jawatankuasa Penyiasatan kerana gagal memberi maklum balas kepada Institut untuk menghantar laporan.

### **c. Semakan Penyata Kewangan**

Tugasan semakan yang telah dijalankan oleh Institut adalah bertujuan untuk memastikan kepatuhan kepada keperluan undang-undang, piawaian perakaunan dan pengauditan yang diluluskan serta prinsip-prinsip dan amalan perakaunan dan pengauditan yang diterima secara umumnya. Semakan ini merangkumi syarikat awam tersenarai, syarikat yang tidak tersenarai dan syarikat berkaitan kerajaan. Institut juga mengambil tindakan terhadap perkara-perkara yang dirujuk oleh pihak pengawal selia dan akan meneliti penyata kewangan yang mempunyai isu-isu kepentingan awam.

Keputusan semakan telah disampaikan kepada ahli yang bertanggungjawab dalam penyediaan penyata kewangan, dan kepada ahli yang melaporkan penyata kewangan tersebut, di samping para ahli lembaga pengarah syarikat-syarikat berkenaan.

Sepanjang tempoh yang dilaporkan, 24 penyata kewangan telah dipilih secara rawak dan disemak manakala 3 penyata kewangan telah disemak setelah dirujuk oleh badan pengawal selia yang lain. Sejumlah 16 kes telah dirujuk ke Jawatankuasa Penyiasatan.

## **B. PENGUATKUASAAN**

Sepanjang tempoh yang dilaporkan, Jabatan Undang-undang dan Penguatkuasaan memfokuskan kepada beberapa bahagian yang berbeza:

- **Menyelesaikan Kes-kes Tertunggak**

Kes-kes tertunggak yang dirujuk oleh pengawal selia telah diselesaikan di peringkat Jawatankuasa Penyiasatan. Ini dilakukan untuk mengawal selia profesion perakaunan di Malaysia dengan lebih efektif dan efisien. Sehingga kini, Jawatankuasa Penyiasatan telah menyelesaikan siasatan ke atas 10 daripada 29 kes yang telah dirujuk oleh pengawal selia. Memandangkan kes-kes ini telah menarik perhatian umum, maka kes-kes ini telah diberi keutamaan untuk diperdengarkan dahulu berbanding kes-kes yang lain. Penyiasatan ke atas kes-kes lain yang dirujuk oleh pengawal selia masih lagi dalam pelbagai peringkat siasatan.

- **Pindaan Akta Akauntan 1967**

Bagi mewujudkan suatu rangka kerja yang dinamik dan responsif untuk profesion perakaunan di Malaysia, satu cadangan komprehensif terhadap pindaan ke atas Akta Akauntan telah dibentangkan dan diluluskan oleh Majlis MIA pada Mei 2008. Cadangan tersebut mengandungi antaranya, peruntukan-peruntukan yang dapat meningkat dan mengukuhkan mekanisme penguatkuasaan dalam memenuhi harapan pihak-pihak berkepentingan dan menyediakan hala tuju untuk profesion ini.



## PERKHIDMATAN SOKONGAN

### A. Keahlian


Dalam tahun yang dilaporkan, Majlis telah menerima kemasukan seramai 1,449 individu yang layak dalam tiga kategori keahlian, iaitu 1,475 Akauntan Bertauliah, tiga Akauntan Berlesen dan 23 Ahli Bersekutu. Majlis turut menerima semula keahlian 166 pemohon pada tahun yang sama.

Menurut Kaedah 7(1), Kaedah-kaedah Institut (Keanggotaan dan Majlis) 2001, Pendaftar, atas arahan Majlis telah menggugurkan 345 ahli daripada Daftar Keahlian kerana gagal menjelaskan yuran tahunan dalam tempoh yang ditetapkan. Seramai 132 orang ahli telah memohon untuk menamatkan keahlian pada tahun ini dan permohonan mereka telah diluluskan Lazimnya, alasan untuk menamatkan keahlian adalah disebabkan oleh mendapat pekerjaan di luar negara, berhijrah, bersara atau meninggalkan profesion. Majlis amat dukacita dengan kematian 17 orang ahli. Sehingga 30 Jun 2008, jumlah keahlian ialah 24,719. Dari segi keahlian, 65% adalah akauntan profesional dalam sektor industri dan perdagangan, 27% dalam amalan awam dan bakinya sebanyak 7% di sektor awam dan sektor-sektor lain.

**Pertumbuhan Keahlian**  
pada 30 Jun 2008

#### MEMBERSHIP GROWTH

(as at 30 June 2008)



#### TABURAN GEOGRAFI AHLI-AHLI

(pada 30 Jun 2008)

NEGERI	CA	LA	AM	JUMLAH
JOHOR	1,396	6	6	1,408

KEDAH	403	2	11	416
KELANTAN	140	-	1	141
LABUAN	55	-	-	55
MELAKA	379	2	1	382
NEGERI SEMBILAN	409	2	-	411
PAHANG	259	1	7	267
PERAK	777	3	2	782
PERLIS	39	-	3	42
PULAU PINANG	1,616	8	3	1,627
PUTRAJAYA	117	-	-	117
SABAH	767	-	2	769
SARAWAK	1,271	-	5	1,276
SELANGOR	9,697	13	25	9,735
TERENGGANU	176	-	-	176
WILAYAH PERSEKUTUAN	6,118	10	17	6,145
LUAR NEGARA	967	1	2	970
JUMLAH	24,586	48	85	24,719

Seksyen 22 dan 23 Akta Akauntan, 1967 menyebut melainkan seseorang itu berdaftar sebagai ahli dengan Institut, beliau tidak boleh menggunakan terma “akauntan” atau jawatan seumpamanya. Dalam usaha untuk mendidik orang awam dan pihak majikan, Institut memantau secara aktif iklan-iklan yang terdapat di akhbar-akhbar tempatan untuk jawatan-jawatan seperti Akauntan, Pengurus Kewangan, Pengawal Kewangan dan jawatan-jawatan yang seumpamanya. Institut menghubungi pengiklan-pengiklan tersebut dalam usaha untuk mewujudkan kesedaran di kalangan majikan-majikan di samping mendidik mereka tentang keperluan untuk mengambil ahli-ahli MIA sahaja bagi jawatan-jawatan tersebut seperti yang diperuntukkan di dalam Akta.

Kaedah 9, Kaedah-kaedah Institut (Keanggotaan dan Majlis) 2001 menghendaki para ahli yang merupakan rakan kongsi atau pemilik tunggal firma-firma ahli dan juga mereka yang merupakan pengarah/pemegang saham syarikat-syarikat percukaian yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia untuk memiliki sijil amalan. Sehingga 30 Jun 2008, 2,436 ahli-ahli merupakan pemegang sijil amalan.

Semasa tahun kewangan, seramai 113 orang ahli telah diberi sijil amalan, yang mana 17 merupakan permohonan semula. Institut telah membatalkan 78 sijil amalan, yang mana 13 sijil dibatalkan kerana tidak menjelaskan yuran sijil amalan dan 3 dibatalkan kerana tidak memulakan amalan awam dalam tempoh 6 bulan daripada tarikh pengeluaran sijil amalan seperti yang diperuntukkan dalam Kaedah-kaedah Institut. Di samping itu, 55 pemegang sijil amalan memohon untuk membatalkan sijil amalan mereka memandangkan mereka tidak dapat memulakan amalan dalam tempoh 6 bulan dari tarikh pengeluaran atau mereka memutuskan untuk menamatkan amalan. 7 sijil amalan telah dibatalkan secara automatik kerana pemegangnya telah meninggal dunia.

Adalah menjadi keperluan di bawah Undang-undang Kecil Institut kepada semua ahlinya dalam amalan untuk mengekalkan polisi insurans indemniti profesional (PII) dengan perlindungan

minimum sebanyak RM100,000 sebaik sahaja memulakan amalan awam. Institut dengan aktifnya memantau pematuhan ini dan pada akhir tahun kewangan, 96 % daripada para ahli dalam amalan awam telah membeli PII. Pengamal-pengamal yang gagal untuk mematuhi akan dirujuk kepada Jawatankuasa Penyiasatan kerana tidak patuh kepada undang-undang kecil.

Dalam tahun fiskal ini, 39 firma audit telah memohon untuk berdaftar dengan Institut dengan 34 adalah firma audit dan 5 buah bukan audit yang menukar status menjadi firma audit. Sejumlah 63 buah firma dikeluarkan dari daftar firma-firma ahli kerana mereka telah menamatkan operasi. Institut telah mendaftarkan 47 buah firma bukan audit dan menggugurkan 55 buah firma bukan audit (50 buah firma menamatkan operasi, manakala 5 buah firma bertukar menjadi firma audit) dari senarai daftar.

Bagi tahun berakhir 30 Jun 2008, terdapat 1348 firma audit dan 650 firma bukan audit berdaftar dengan Institut, berbanding dengan 1372 firma audit dan 658 firma bukan audit pada tahun yang sebelumnya. Jadual di bawah menunjukkan taburan firma-firma ahli (firma-firma audit dan bukan audit) yang berdaftar dengan Institut.

**BIL. FIRMA-FIRMA AHLI MENGIKUT NEGERI**  
(pada 30 Jun 2007 dan 30 Jun 2008)

NEGERI	PADA 30 JUN 2007			PADA 30 JUN 2008		
	FIRMA AUDIT	FIRMA BUKAN AUDIT	JUMLAH	FIRMA AUDIT	FIRMA BUKAN AUDIT	JUMLAH
WILAYAH PERSEKUTUAN*	541	192	733	514	188	702
JOHOR	123	80	203	124	79	203
KEDAH	25	15	40	26	16	42
KELANTAN	12	6	18	11	4	15
MELAKA	30	17	47	30	15	45
NEGERI SEMBILAN	20	16	36	19	16	35
PAHANG	23	5	28	23	7	30
PULAU PINANG	106	36	142	107	37	144
PERAK	53	49	102	52	48	100
PERLIS	1	1	2	1	1	2
SABAH	82	29	111	84	30	114
SARAWAK	81	26	107	81	25	106
SELANGOR	264	183	447	265	181	446
TERENGGANU	11	3	14	11	3	14
<b>JUMLAH</b>	<b>1372</b>	<b>658</b>	<b>2030</b>	<b>1348</b>	<b>650</b>	<b>1998</b>

\*Termasuk Wilayah Persekutuan Labuan

Semua firma yang berdaftar dengan Institut dikehendaki menghantar penyata tahunan kepada Institut. Dari 2036 penyata tahunan yang dihantar kepada firma-firma untuk tahun 2008, 98% telah mengembalikan borang tersebut. Pada masa kini, Institut sedang menjalankan satu mekanisme untuk membenarkan firma-firma mengemas kini penyata tahunan mereka secara atas talian dan ia dijangka akan bermula pada tahun 2009. Ini akan mempercepatkan proses firma-firma mengemas kini annual returns mereka dan pada masa yang sama menjajarkan komitmen Institut untuk menghijaukan alam sekitar dengan mengurangkan penggunaan kertas.

Dari 1 Januari 2008 dan 1 Mac 2008, Institut tidak lagi menghantar surat pekeliling dalam bentuk salinan kera-s kepada para ahli dan firma ahli. Ini merupakan sebahagian dari usaha berterusan Institut agar mempunyai lebih kesedaran sosial terhadap kepentingan alam sekitar. Surat pekeliling dan maklumat terkini dihantar kepada ahli-ahli menerusi E-berita (E-news) pada setiap hari Rabu yang jatuh pada pertengahan setiap bulan. Maklumat penting bagaimanapun akan dihantar pada setiap hari Rabu yang berikutnya dalam bulan yang sama. Surat pekeliling turut dikemaskinikan di laman sesawang Institut bagi membolehkan para ahli membuat rujukan sepanjang masa. Kami turut menerima maklum balas positif tentang komunikasi cara ini memandangkan maklumat diedarkan dengan lebih cepat dari cara konvensional.

**B. Pentadbiran**

Sepanjang tahun kewangan, Pusat Pengurusan terus menerajui pelaksanaan pelbagai inisiatif bagi mencapai objektif strategik Institut.

Dengan matlamat mengangkat MIA ke tahap yang lebih tinggi, Pelan Operasi 3 tahun telah dimulakan dan dilaksanakan pada 1 Julai 2008. Selaras dengan inisiatif ini, Pusat Pengurusan dan kakitangan-kakitangannya akan diukur khusus kepada prestasi dan sumbangannya dalam mencapai objektif strategik Institut yang telah ditetapkan untuk tiga (3) tahun yang akan datang.

Pusat Pengurusan telah menyusun kembali struktur organisasi Institut dengan menumpukan khusus kepada tiga (3) bidang utama iaitu Pendidikan & Pembangunan, Piawaian & Amalan Profesional dan Pengawasan & Penguatkuasaan. Selaras dengan inisiatif ini, peranan Majlis, Jawatankuasa dan kakitangan Pusat Pengurusan menjadi lebih jelas.

Sebagai sebahagian daripada usaha berterusan Pusat Pengurusan dalam menyediakan perkhidmatan cemerlang kepada para ahli dan menjalankan fungsi-fungsi kawal selia dengan lebih efektif, beberapa jawatan penting telah diisi dalam tahun yang dilaporkan, khususnya Divisyen Teknikal dan Pengawasan. Ini adalah selaras dengan aspirasi Institut untuk mengukuhkan kualiti pasukan teknikal dan operasinya bagi menyokong para ahlinya dan menjalankan fungsi kawal selianya dengan lebih efektif. Sebagai penyedia perkhidmatan kepada para ahlinya, Institut menyedari bahawa pelaburan dan usaha mengekalkan kakitangan yang berkualiti adalah penting untuk kejayaan sesebuah organisasi.

### **C. Pemasaran & Promosi**

Bagi membolehkan MIA membangun, menyokong dan mengawasi kualiti dan kemahiran selaras dengan amalan baik global dalam profesion perakaunan bagi kepentingan pihak-pihak yang berkepentingan seperti yang terkandung dalam misinya, sumber pendapatan tambahan dan peningkatan keahlian yang kukuh adalah diperlukan untuk tempoh jangka panjang. Beberapa aktiviti pembangunan dan promosi telah dijalankan oleh Institut menerusi Jabatan Pemasaran dan Promosi, Jabatan Perhubungan Awam, Jabatan Hal Ehwal Keahlian dan Jabatan Pendidikan.

Berhubung dengan aktiviti-aktiviti untuk meningkatkan keahlian, Institut telah bergiat aktif dan menyertai aktiviti-aktiviti berikut:

- 7 Julai 2007 – Kerjaya ACCA 2007, Crowne Plaza Mutiara Kuala Lumpur
- 17 & 18 Julai 2007 – Persidangan Cukai Kebangsaan 2007, Pusat Konvensyen Kuala Lumpur
- 23 & 24 Julai 2007 – Minggu Perakaunan UKM 2007
- 17 & 19 Ogos 2007 – Pesta Kerjayaku & Pendidikan 2007 (MyCef 2007)
- 3 & 4 September 2007 – Forum Perniagaan MICPA-BURSA, Shangri-La Kuala Lumpur
- 4 Oktober 2007 – Taylor's Business School – Hari Perakaunan
- 22 & 23 November 2007 – Pameran Pendidikan Anjuran Pusat Sumber Bank Kerjasama Rakyat (M) Berhad
- 12 & 13 Jan 2008 – Pesta Pendidikan STAR 2008, Pusat Konvensyen Kuala Lumpur

- 17 Jan 2008 – Hari Perakaunan Universiti Monash
- 21 & 22 Jan 2008 – Hari Kerjaya IIUM, BACC 2008
- 30 Jan 2008 – Majlis Penyampaian Sijil, Fakulti Perakaunan, UiTM
- 5 Mac 2008 – Simposium Laporan Kewangan UNITEN 2008
- 29 Mac 2008 – Kuiz Perakaunan Antara -Varsiti (IVAQ) 2008
- 7 April 2008 – Majlis Penerangan Pengiktirafan Ahli MIA, Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA)
- 22 April 2008 – Pemacu Keahlian Profesional UNITEN 2008
- 23 Mei 2008 – Pembentangan Kumpulan di Sime Darby Berhad
- 28 Jun 2008 – Kerjaya ACCA 2008, Crowne Plaza Mutiara Kuala Lumpur
- Pengiklanan – UM Accounting Journal

Dalam meningkatkan keahlian MIA, penyampaian promosi yang lebih efektif menerusi jentera cawangan yang cekap akan menjadi sasaran di tahun yang akan datang. Ketika kebanyakan dari aktiviti-aktiviti pemacu keahlian dijalankan di pejabat Institut di Kuala Lumpur, beberapa fungsinya akan ditingkatkan menerusi sumbangan pejabat cawangan di luar Lembah Kelang.

Aktiviti-aktiviti promosi yang lain turut dijalankan oleh Institut dalam tahun yang dilaporkan. Institut bekerjasama secara aktif dengan rakan kongsi strategik bagi menawarkan julat faedah yang lebih luas kepada para ahlinya.

#### **D. Tadbir Urus dan Pengurusan Risiko Organisasi**

Pada bulan Mac 2008, MIA membangunkan Rangka Kerja Tadbir Urus yang mengandungi empat (4) elemen utama:

- Standard Tingkah laku
- Struktur Organisasi dan Proses
- Kawalan Persekitaran
- Pelaporan Luaran

Perkembangan rangka kerja dipandu oleh garis panduan IFAC iaitu 'Governance in the Public Sector: A Governing Body Perspective'. Selaras dengan keperluan Rangka Kerja Tadbir Urus MIA, Kod Kelakuan untuk Ahli Majlis telah dicadangkan untuk diterima pakai.

Majlis meluluskan buku panduan Pengurusan Risiko Organisasi MIA (ERM) pada bulan Disember 2007. Buku panduan ini mengandungi rangka kerja dan proses-proses untuk melaksanakannya. Rangka kerja ini sedang dilaksanakan bagi memastikan semua risiko utama dikenal pasti, ditaksir, diurus, diawasi dan berkomunikasi secara sistematik ke struktur MIA ERM termasuklah Majlis, Jawatankuasa Eksekutif (EXCO) dan Jawatankuasa Audit Majlis (ACC). Profil Risiko Utama dan Daftar Risiko Utama MIA telah dibentangkan kepada Majlis pada bulan Mei 2008.

Majlis, dalam usahanya untuk meningkatkan dan memastikan tadbir urus terbaik untuk MIA, telah menubuhkan ACC dan Jabatan Audit Dalaman (IAD). Jabatan Audit Dalaman (IAD) telah memainkan peranan yang aktif dalam mencadangkan dan memastikan pelaksanaan rangka kerja yang tersebut di atas. Buku Panduan Audit Dalaman telah diluluskan oleh Majlis pada bulan September 2007 untuk diguna pakai oleh IAD.

Berdasarkan kepada Pelan Audit Tahunan yang diluluskan oleh ACC, jabatan telah melengkapkan 6 tugas audit dan 1 semakan khas dalam tahun kewangan. Pada bulan Januari 2008, jabatan turut menjalankan taksir diri MIA bagi mematuhi Indeks Kebertanggungjawaban yang dikeluarkan oleh Jabatan Audit Negara. .

#### **E. Kewangan**

Institut telah mencatat lebih sebelum cukai yang lebih berjumlah RM206,250 untuk tahun kewangan berakhir 30 Jun 2008 berbanding tahun kewangan yang lalu berjumlah RM99,802. Peningkatan ini berlaku terutamanya disebabkan oleh pendapatan kasar yang tinggi daripada keahlian dan pendidikan profesional berterusan (CPE).

Keahlian telah bertambah sebanyak 1,161, mewakili peningkatan sebanyak 5% daripada 23,558 ahli kepada 24,719 ahli dalam tahun kewangan ini, sekaligus meningkatkan yuran kemasukan dan tahunan yang diterima daripada ahli-ahli baru. Pendapatan bersih CPE berjumlah RM2.66 juta telah meningkat sebanyak 36% berbanding tahun kewangan yang lalu iaitu berjumlah RM1.96 juta. Margin keuntungan yang lebih tinggi adalah kerana kawalan kos yang ketat terhadap kos langsung.



Kenaikan dalam pendapatan CPE telah membantu menyokong peranan pengawal seliaan dan fungsi MIA yang lain dalam memenuhi objektifnya.

**RINGKASAN REKOD KEWANGAN BAGI 5 TAHUN YANG LEPAS**

	<b>2008 RM</b>	<b>2007 RM</b>	<b>2006 RM</b>	<b>2005 RM</b>	<b>2004 RM</b>
Membership income	7,794,200	7,351,450	7,125,750	6,831,000	6,536,350
Surplus / (Deficit) before tax	206,250	99,802	131,255	1,076,368	1,461,927
Net Assets	10,527,204	10,487,305	10,523,871	10,534,659	9,631,092







## F. Cawangan-cawangan

### MIA Cawangan Pulau Pinang

Bagi tahun yang dilaporkan, MIA Cawangan Pulau Pinang telah secara aktif mengadakan aktiviti-aktiviti berikut dengan para ahlinya:

- **Pesta Perakaunan untuk Para Pelajar**

Pesta Perakaunan telah berlangsung pada 6 September 2007 di Dewan Tuanku Syed Putra, Universiti Sains Malaysia. Objektifnya ialah untuk mendidik orang awam tentang peranan akauntan di samping memupuk minat terhadap profesion ini bagi memastikan ia sentiasa

berkembang. Liputan media yang terdiri dari siri artikel yang amat bernilai telah menyumbang kepada kredibiliti Institut dan profesion.

Lebih daripada 2000 orang pengunjung merangkumi para pelajar, kaunselor sekolah, guru-guru daripada 42 buah sekolah di Pulau Pinang, mahasiswa dan ibu bapa telah berkunjung ke pesta ini yang dirasmikan oleh Timbalan Menteri Penerangan YB Dato' Seri Chia Kwang Chye.

- **Persidangan Perniagaan 2007 menarik minat penyertaan daripada pegawai atasan**

Pada 29 November 2007, Cawangan Pulau Pinang telah menganjurkan Persidangan Perniagaan 2007 di Hotel Traders Pulau Pinang. Bertemakan 'Driving Innovation', acara ini bertindak sebagai papan anjal yang mana pertumbuhan negara boleh terus dikukuhkan dan dirangsang. Acara ini menaikkan profil Institut dan akauntan sebagai rakan kongsi perniagaan yang dihormati dan seterusnya akan menyumbang kepada peningkatan kredibiliti.

Acara ini telah menarik minat sejumlah 230 penyertaan merangkumi para CEO, CFO, pengarah, pengurus dan akauntan. Ketua Menteri Pulau Pinang YAB Tan Sri Dr Koh Tsu Koon telah menyampaikan ucapan di acara tersebut.

- **Majlis Perasmian Pejabat Baru Cawangan Pulau Pinang**

Pada 29 April 2008, telah berlangsung perasmian pejabat baru MIA Cawangan Pulau Pinang di Menara Great Eastern. Di samping memperkenalkan Institut, ia juga menjadi platform untuk mengukuhkan hubungan dengan para ahli dan pihak berkepentingan. Melalui interaksi dengan pihak-pihak berkepentingan ini, Institut dapat menyalurkan fungsinya dengan lebih berkesan dan menjadi penggerak untuk mencapai kredibiliti.

Tuan Yang Terutama Pulau Pinang TYT Tun Dato' Seri Utama (Dr) Haji Abdul Rahman Abdul Abbas telah merasmikan pejabat baru tersebut dan Timbalan Ketua Menteri 1 Pulau Pinang, Tuan Mohammad Fairus Khairuddin telah menyampaikan ucapan di majlis tersebut.

Lebih kurang 140 tetamu yang terdiri daripada ahli-ahli MIA, tokoh-tokoh korporat, wakil-wakil daripada badan kerajaan tempatan, pertubuhan-pertubuhan profesional, badan perdagangan, perbankan, institusi pengajian tinggi awam dan swasta serta media telah hadir.

Bersempena dengan perasmian ini juga, MIA Cawangan Pulau Pinang telah menganjurkan seminar awam mengenai pengurusan kewangan dan pembangunan sahsiah diri.

### **MIA Cawangan Johor**

Di antara aktiviti-aktiviti utama yang dijalankan oleh MIA cawangan Johor bagi tahun yang dilaporkan adalah seperti yang berikut:

- **Majlis Makan Tengah Hari Bersama SSM untuk memperkukuhkan hubungan**

Pada 31 Julai 2007, Jawatankuasa MIA Cawangan Johor telah menganjurkan majlis makan tengah hari bersama pegawai-pegawai Suruhanjaya Syarikat Malaysia (CCM) cawangan Johor Bahru. Hadir pada majlis tersebut ialah Pengarah Negeri, En. Rosli Hj Ahmad bersama-sama dua orang kakitangan beliau. En. Hamdan Mohd Jaafar, Ketua Bahagian Penguatkuasaan dan En. Azrin Mohd Ripin, Ketua Bahagian Operasi.

- **Kejayaan Persidangan Wilayah 2007**

Dari 10-11 September 2007, MIA telah menganjurkan Persidangan Wilayah (RC) 2007 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Persada di Johor Bahru. Persidangan ini bertemakan "Malaysia Selatan: Memacu Perkembangan Ekonomi Serantau". Ia menarik penyertaan hampir 300 akauntan dan tokoh-tokoh perniagaan dari selatan Malaysia.

- **Bengkel tentang PERS dan FRS untuk mengemas kini para ahli**

Pada 15 April 2008, telah berlangsung Bengkel tentang Perbezaan PERS dan FRS. Bengkel ini menumpukan tentang perbezaan utama di antara PERS dan FRS seperti yang ada kini dan juga rangka kerja konsep yang membentuk FRS yang baru. Profesor Madya Dr. S. Susela Devi dari Fakulti Perniagaan dan Perakaunan Universiti Malaya telah mengendalikan bengkel tersebut. Setiap bengkel dihadiri oleh 40 orang peserta.

### **MIA Cawangan Sabah**

MIA Cawangan Sabah secara berterusan telah mendampingi para ahli di seluruh negeri melalui pelbagai aktiviti. Di antara aktiviti utama yang dijalankan sepanjang tahun yang dilaporkan ialah:-

- **Seminar Percukaian CPE untuk Ahli-ahli di Sabah**

Seminar CPE tentang Perancangan Cukai untuk SME dan Cukai untuk Syarikat-syarikat Pelaburan Menurut Perubahan dalam Belanjawan 2006 & 2007 telah berlangsung di tiga lokasi berbeza iaitu di Kota Kinabalu pada 8 Ogos 2007, Sandakan pada 9 Ogos dan di Tawau pada 11 Ogos 2007. Seminar ini telah menarik sejumlah 222 penyertaan di ketiga-tiga lokasi tersebut.

- **Makan Malam Cawangan 2007**

Bertemakan 'Value Creation : 40 Excellence Years', majlis makan malam ini telah berlangsung pada 3 November 2007 di Shangri-La Tanjung Aru Resort, Kota Kinabalu.

- **Cawangan Sabah Berkongsi Keceriaan Musim Perayaan**

Jawatankuasa dan pihak pengurusan Cawangan telah melawat Rumah Kanak-kanak Don Bocso pada 28 Jan 2008 di Bundu Tuhan, Ranau dan menyumbangkan RM 4000 kepada rumah kanak-kanak berkenaan.

- **Cawangan Menganjurkan Ceramah Kerjaya**

Ceramah kerjaya telah berlangsung di Perpustakaan Negeri Sabah pada 23 Ogos 2007 dan di Universiti Teknologi Mara (UiTM) pada 20 Februari 2008

### **MIA Cawangan Sarawak**

MIA cawangan Sarawak telah menganjurkan pelbagai acara sepanjang tempoh yang dilaporkan secara aktif untuk para ahli dan pihak berkepentingan di negeri tersebut.

Antara aktiviti yang dijalankan adalah:

- **Makan Malam Cawangan dan Dialog bersama Presiden**

Dialog telah berlangsung di Kuching pada 10 November 2007 untuk Presiden bertemu para ahli di negeri ini. Di samping itu, ia juga menjadi platform untuk memberi maklumat terkini kepada para ahli mengenai perkembangan semasa profesion.

Makan Malam Cawangan Sarawak juga telah berlangsung pada hari yang sama, menyaksikan kehadiran hampir 500 tetamu.

- **Bersama pihak berkepentingan**

Di antara pihak berkepentingan yang ditemui oleh Cawangan Sarawak sepanjang tempoh yang dilaporkan termasuklah SSM dan Kastam Diraja Malaysia. Fokus aktiviti ini ialah untuk mewujudkan kerjasama erat dan mempertingkatkan kesedaran tentang peranan MIA.

- **Mendorong minat terhadap profesion**

Cawangan Sarawak sentiasa menganjurkan siri ceramah kerjaya dan acara-acara yang boleh mempertingkatkan minat terhadap profesion perakaunan. Di antara sekolah-sekolah yang mendapat manfaat daripada ceramah kerjaya tersebut ialah SMK Shung Hwa, Miri, UiTM Kota Samarahan, SMK Kuching High dan SMK Green Road.

Forum Kerjaya Perakaunan juga telah diadakan di Miri, Bintulu dan Petra Jaya untuk mempromosi profesion perakaunan kepada para kaunselor sekolah.

## **KONGRES AKAUNTAN SEDUNIA (WCOA) 2010**

Sepanjang tempoh yang dilaporkan, MIA melalui Jawatankuasa Pemandu Kongres Akauntan Sedunia (WCOA) 2010 telah menjalankan pelbagai kaedah pemasaran global dan inisiatif promosi yang melibatkan badan-badan profesional antarabangsa dan wilayah, kementerian-kementerian dalam kerajaan dan firma-firma korporat untuk mencapai sehingga 2.5 juta jaringan akauntan secara meluas dari bidang amalan awam, perdagangan dan industri, kerajaan serta pendidikan di seluruh dunia untuk membina kesedaran dan minat terhadap kongres tersebut.

Dengan memfokuskan lebih 75 peratus kepada Negara Eropah dan Asia, WCOA 2010 diharap dapat menarik lebih ramai perwakilan dengan kemajuan ekonomi negara China dan India.

Sebagai sebahagian dari inisiatif untuk menarik lebih ramai perwakilan, Jawatankuasa Penganjuran WCOA telah memulakan beberapa usaha dan ini termasuklah:

- **Kempen Promosi dan Kesedaran WCOA 2010**

Promosi awal WCOA 2010 telah dijalankan di Osaka, Jepun. Ia kemudiannya dipromosikan dalam dua perjumpaan besar yang disertai oleh MIA di Jakarta, Indonesia dan Sharjah, Emiriah Arab Bersatu.

Institut juga telah memohon sokongan dari ahli-ahli badan IFAC untuk menyediakan pautan antara laman web WCOA 2010 [www.wcoa2010kualalumpur.com](http://www.wcoa2010kualalumpur.com) dan laman web ahli-ahli badan IFAC; sekurang-kurangnya dua iklan berkenaan WCOA 2010 dalam terbitan bercetak/ dalam talian, jurnal atau mana-mana bahan komunikasi di samping sekurang-kurangnya tiga siri siaran elektronik dan bercetak (secara berterusan dalam tahun 2009 dan 2010) kepada para ahli secara individu melalui senarai keahlian mereka. Ini dapat memastikan kesedaran yang berterusan terhadap WCOA 2010.

Satu pertemuan juga telah diadakan dengan MATRADE pada 25 Jun 2008 untuk meninjau peluang mempromosikan WCOA 2010 melalui penyertaan-penyertaan MIA dalam misi-misi perdagangan, misi pemasaran khas, pameran-pameran perdagangan dan ruang-ruang promosi. Institut turut meninjau kemungkinan untuk mendapatkan sokongan daripada MATRADE untuk pameran WCOA 2010.

Untuk membantu kerja-kerja promosi, risalah-risalah fakta dan pek-pek pemasaran WCOA 2010 telah disediakan. Alat-alat komunikasi pemasaran tersebut diedarkan semasa aktiviti-aktiviti pemasaran dan promosi yang telah dikenal pasti.

- **Mendaftarkan Jenama Identiti WCOA 2010**

Usaha-usaha sedang dijalankan untuk memfailkan pendaftaran tanda dagangan bagi WCOA 2010 di United Kingdom, United States, Australia dan Malaysia. Ini adalah untuk melindungi harta intelek WCOA 2010. Pada masa kini, projek ini sedang berjalan di bawah

bidang kuasa seperti yang tersebut di atas dan ia dijangka akan siap sepenuhnya pada tahun hadapan.

- **Buku Panduan Identiti Jenama**

Buku Panduan Identiti Jenama WCOA 2010 yang telah dilaksanakan memberi panduan yang lengkap tentang penggunaan logo WCOA 2010. Ia akan memberi petunjuk ke arah memastikan keseragaman dalam penyampaian Identiti Jenama WCOA dalam semua kempen promosi dan pemasaran WCOA. Panduan tersebut telah diedarkan oleh IFAC dan MIA, selaku penganjur bersama dan pemegang jenama bagi kongres tersebut dan kepada semua pihak yang bertanggungjawab dalam menyampaikan tentang acara tersebut.

- **Program Teknikal**

Jawatankuasa Penganjuran WCOA 2010 telah mengadakan sesi percambahan fikiran yang pertama untuk membangunkan Program Teknikal WCOA yang komprehensif pada 25 Jun 2008. Sesi tersebut telah melibatkan wakil-wakil teknikal dari badan-badan berjadual MIA, termasuklah ACCA, CIMA, CPA Australia, ICAEW dan MICPA. Sesi tersebut juga melibatkan para akademik dari universiti-universiti awam tempatan.

- **Rangka Tindakan WCOA 2010**

Rangka Tindakan bagi WCOA 2010 sedang disiapkan. Dokumen yang komprehensif ini akan bertindak sebagai pelan induk bagi projek tersebut. Ia akan merangkumi semua aspek persidangan, menggariskan strategi yang terperinci dan komprehensif dari sudut seperti pemasaran, penajaan, promosi, tenaga kerja dan logistik.

## **PENYATA KEWANGAN**



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN INSTITUT AKAUNTAN MALAYSIA  
BAGI TAHUN BERAKHIR 30 JUN 2008**

Penyata kewangan Institut Akauntan Malaysia bagi tahun berakhir 30 Jun 2008 telah diaudit oleh wakil saya. Pihak pengurusan bertanggungjawab terhadap penyata kewangan ini. Tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut.

2. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan. Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada penyata kewangan adalah bebas daripada kesilapan atau ketinggalan yang kefera. Pengauditan itu termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan pendedahan yang mencukupi dalam penyata kewangan. Penilaian juga dibuat terhadap prinsip perakaunan yang digunakan dan penyampaian penyata kewangan secara keseluruhan.

3. Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Institut Akauntan Malaysia pada 30 Jun 2008, hasil operasi dan aliran tunai untuk tahun tersebut berdasarkan piawaian perakaunan yang diluluskan.

**(BOON JON LIN)**  
**b.p. KETUA AUDIT NEGARA**  
**MALAYSIA**

**PUTRAJAYA**  
**15 OGOS 2008**







**INSTITUT AKAUNTAN MALAYSIA  
PENYATA OLEH MAJLIS**

Kami, NIK MOHD HASYUDEEN BIN YUSOFF dan DATUK DR ABDUL SAMAD BIN HAJI ALIAS, yang merupakan Presiden dan Naib Presiden INSTITUT AKAUNTAN MALAYSIA, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Majlis, penyata kewangan di muka surat 2 hingga 27 dan nota-nota kepada penyata kewangan adalah disediakan untuk menunjukkan gambaran yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan INSTITUT AKAUNTAN MALAYSIA pada 30 Jun 2008 dan hasil kendaliannya serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak Majlis berikutan resolusi Majlis

  
NIK MOHD HASYUDEEN BIN YUSOFF  
PRESIDEN

  
DATUK DR ABDUL SAMAD BIN HAJI ALIAS  
NAIB PRESIDEN

Tarikh 31 Julai 2008  
Kuala Lumpur

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB  
KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN  
INSTITUT**

Saya, ROSLI BIN ABDULLAH, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan INSTITUT AKAUNTAN MALAYSIA, dengan ikhlasnya mengakui bahawa penyata kewangan di muka surat 2 hingga 27 mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuatakuan ini dengan kepercayaan bahawa apa-apa yang tersebut di dalamnya adalah benar, serta menurut Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui  
oleh penama di atas ROSLI BIN ABDULLAH  
di Kuala Lumpur  
pada 31 Julai 2008

  
ROSLI BIN ABDULLAH



No.136-1C, 1<sup>st</sup> Floor  
Jln Tun Sambanthan  
Brickfields, 50470 Kuala Lumpur

**INSTITUT AKAUNTAN MALAYSIA**  
(Diperbadankan di bawah Akta Akauntan, 1967)

**LEMBARAN IMBANGAN PADA 30 JUN 2008**

	Nota	2008 RM	2007 RM
<b>ASET BUKAN SEMASA</b>			
Hartanah, loji dan peralatan	5	3,914,972	3,719,145
Pelaburan	6	7,458	7,458
		3,922,430	3,726,603
<b>ASET SEMASA</b>			
Inventori	7	319,502	183,474
Pelbagai penerimaan, deposit dan prabayar	8	1,105,386	1,285,862
Yuran tertunggak	9	-	-
Akaun amanah institusi	10	5,939,337	5,658,704
Cukai boleh diperolehi semula		57,679	-
Simpanan tetap di institusi kewangan berlesen	11	2,683,820	3,427,356
Wang tunai dan baki di bank		1,279,120	570,145
Akaun Kongres Akauntan Sedunia 2010 (WCOA 2010)	12	9,602,401	10,039,653
Pendahuluan untuk WCOA 2010		176,323	278,090
		21,163,568	21,443,284
<b>JUMLAH ASET</b>		25,085,998	25,169,887
<b>LIABILITI SEMASA</b>			
Pendahuluan yuran		1,937,850	2,162,850
Pelbagai belum bayar dan akruan	13	2,426,214	1,712,599
Pendapatan tertunda	14	450,118	607,029
Cukai belum bayar		-	60,351
		4,814,182	4,542,829
<b>LIABILITI BUKAN SEMASA</b>			
Pendapatan tertunda - geran kerajaan	15	9,602,401	10,039,653
Cukai tertunda	16	142,211	100,100
<b>JUMLAH LIABILITI</b>		14,558,794	14,682,582
<b>ASET BERSIH</b>		<b>10,527,204</b>	<b>10,487,305</b>
<b>DANA TERKUMPUL</b>			
<b>Operasi Institut</b>			
Baki pada 1 Julai		10,487,305	10,523,870
Lebihan/(kurangan) bersih pada tahun kewangan		39,899	(36,565)
Baki pada 30 Jun		<b>10,527,204</b>	<b>10,487,305</b>

*Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian penyata kewangan ini*

**INSTITUT AKAUNTAN MALAYSIA**  
(Diperbadankan di bawah Akta Akauntan, 1967)

**PENYATA PENDAPATAN**  
**BAGI TAHUN BERAKHIR 30 JUN 2008**

	Nota	2008 RM	2007 RM
<b>Pendapatan keahlian</b>			
Yuran tahunan ahli		6,370,600	5,964,950
Yuran kemasukan ahli		804,850	765,750
Yuran sijil amalan		<u>618,750</u>	<u>620,750</u>
		7,794,200	7,351,450
<b>Pendapatan dari aktiviti-aktiviti lain</b>	<b>17</b>	10,454,473	8,600,386
<b>Pendapatan lain</b>	<b>18</b>	<u>514,108</u>	<u>563,973</u>
		18,762,781	16,515,809
<b>Susut nilai hartanah, loji dan peralatan</b>	<b>5</b>	(497,880)	(459,292)
<b>Perbelanjaan aktiviti-aktiviti lain</b>	<b>17</b>	(8,484,446)	(7,411,729)
<b>Peruntukan dan hapus kira</b>	<b>19</b>	(87,774)	(143,103)
<b>Ganjaran kakitangan</b>	<b>20</b>	(4,842,868)	(4,053,434)
<b>Perhubungan antarabangsa</b>	<b>21</b>	(595,514)	(663,946)
<b>Perkhidmatan keahlian</b>	<b>22</b>	(1,838,938)	(1,962,110)
<b>Perbelanjaan lain</b>	<b>23</b>	<u>(2,209,111)</u>	<u>(1,722,393)</u>
		<u>(18,556,531)</u>	<u>(16,416,007)</u>
<b>Lebihan sebelum cukai</b>		206,250	99,802
<b>Belanja cukai</b>	<b>24</b>	(166,351)	(136,367)
<b>Lebihan/(kurangan) bersih untuk tahun kewangan</b>		<u><u>39,899</u></u>	<u><u>(36,565)</u></u>

*Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian penyata kewangan ini*

**INSTITUT AKAUNTAN MALAYSIA**  
*(Diperbadankan di bawah Akta Akauntan, 1967)*

**PENYATA PERUBAHAN DANA TERKUMPUL  
PADA 30 JUN 2008**

	<b>2008</b>	<b>2007</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
<b>DANA TERKUMPUL</b>		
<b><i>Operasi Institut</i></b>		
Dana terkumpul pada 1 Julai	10,487,305	10,523,870
Lebihan/(Kurangan) bersih untuk tahun kewangan	39,899	(36,565)
Dana terkumpul pada 30 Jun	<u>10,527,204</u>	<u>10,487,305</u>

*Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian penyata kewangan ini*

**INSTITUT AKAUNTAN MALAYSIA**  
(Diperbadankan di bawah Akta Akauntan, 1967)

**PENYATA ALIRAN TUNAI**  
**BAGI TAHUN BERAKHIR 30 JUN 2008**

	<b>2008</b>	<b>2007</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
<b>ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI</b>		
Penerimaan dari ahli dan bukan ahli	20,438,072	13,574,776
Pembayaran untuk perbelanjaan	(20,173,604)	(13,684,584)
Penjanaan tunai dari operasi	264,468	(109,808)
Pendapatan sewa	25,200	40,800
Pendapatan yuran pengurusan	9,000	5,500
Bayaran cukai	(242,270)	(102,820)
Aliran tunai operasi bersih	56,398	(166,328)
<b>ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN</b>		
Belian hartanah, loji dan peralatan (Nota A)	(706,154)	(441,930)
Faedah diterima dari simpanan tetap	106,138	135,007
Dividen dari akaun amanah institusi	289,690	272,084
Geran kerajaan diterima (Nota 15)	500,000	-
Aliran tunai pelaburan bersih	189,674	(34,839)
<b>ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI KEWANGAN</b>		
PERUBAHAN BERSIH TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI	-	-
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN	246,072	(201,167)
KEWANGAN	9,656,205	9,857,372
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN	9,902,277	9,656,205
KEWANGAN	9,902,277	9,656,205
<b>ANALISIS TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI:</b>		
Tunai di tangan	8,046	3,874
Baki di bank	1,271,074	566,271
Simpanan tetap di institusi kewangan berlesen	2,683,820	3,427,356
Akaun amanah institusi	5,939,337	5,658,704
	9,902,277	9,656,205

*Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian penyata kewangan ini*

**INSTITUT AKAUNTAN MALAYSIA**  
*(Diperbadankan di bawah Akta Akauntan, 1967)*

**PENYATA ALIRAN TUNAI**  
**BAGI TAHUN BERAKHIR 30 JUN 2008**

	<b>2008</b>	<b>2007</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Nota A: Pembelian hartanah, loji dan peralatan		
Pembelian semasa tahun kewangan	715,807	392,645
Tambah: Belian yang belum dibayar pada tahun kewangan sebelumnya	9,055	58,340
	<hr/>	<hr/>
	724,862	450,985
Tolak: Belian yang belum dibayar pada akhir tahun kewangan	(18,708)	(9,055)
	<hr/>	<hr/>
Seperti di penyata aliran tunai	<u>706,154</u>	<u>441,930</u>

*Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian penyata kewangan ini*

**INSTITUT AKAUNTAN MALAYSIA**  
(Diperbadankan di bawah Akta Akauntan, 1967)

**NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 30 JUN 2008**

**1. OBJEKTIF-OBJEKTIF / AKTIVITI-AKTIVITI UTAMA**

Institut diperbadankan di bawah Akta Akauntan, 1967. Objektif-objektif/aktiviti-aktiviti utama Institut di bawah Akta tersebut adalah:-

- a) untuk menentukan kelayakan seseorang yang akan didaftarkan sebagai ahli;
- b) untuk menyediakan latihan dan pendidikan oleh Institut atau badan-badan lain, kepada seseorang yang mengamalkan atau ingin mengamalkan profesion perakaunan;
- c) untuk meluluskan Peperiksaan Kelayakan Institut Akauntan Malaysia dan mengawal dan menyelia pelaksanaan Peperiksaan tersebut;
- d) untuk mengawal selia amalan profesion perakaunan di Malaysia;
- e) untuk meningkatkan, melalui sebarang cara yang difikirkan patut, kepentingan profesion perakaunan di Malaysia;
- f) untuk memberi bantuan kewangan atau bantuan lain kepada tanggungan ahli-ahli dalam apa cara yang berpatutan dengan niat untuk melindungi atau meningkatkan kebajikan ahli-ahlinya; dan
- g) secara umum melaksanakan sebarang usaha yang sesuai bertujuan untuk mencapai objektif-objektif di atas.

Alamat berdaftar Institut ialah Dewan Akauntan, No. 2, Jalan Tun Sambanthan 3, Brickfields, 50470 Kuala Lumpur.

Tidak terdapat perubahan yang penting dalam objektif-objektif/aktiviti-aktiviti utama Institut pada tahun kewangan ini.

**2. TARIKH KELULUSAN PENERBITAN**

Penyata kewangan telah diluluskan dan dibenarkan untuk diterbitkan oleh Majlis menurut resolusi Majlis pada 31 Julai 2008.

**3. OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO**

**Objektif dan Polisi Pengurusan Risiko Kewangan**

Objektif pengurusan risiko kewangan Institut adalah bertujuan memastikan Institut menerbitkan nilai dan memaksimumkan ganjaran kepada Institut dan ahli-ahlinya. Polisi pengurusan risiko kewangan Institut bertujuan memastikan sumber kewangan dan bukan kewangan mencukupi untuk menjalankan operasi-operasinya dengan lancar. Pihak Institut membiayai operasi-operasinya dengan penjanaana dana dalaman dan oleh itu tidak terdedah kepada risiko kadar faedah dari pinjaman bank. Pihak Institut tidak melabur di dalam saham disebut harga dan oleh itu tidak terdedah kepada risiko pasaran akibat risiko turun naik instrumen kewangan berikutan perubahan harga pasaran.

**(a) Risiko Kredit**

Risiko kredit dikawal dengan menggunakan prosedur pemantauan yang berterusan. Pihak Institut mengamalkan kawalan ketat dalam membatalkan keahlian ahli-ahli yang mempunyai yuran tertunggak lebih dari enam bulan seperti yang diperuntukkan di dalam Peraturan Institut Akauntan Malaysia (Keanggotaan dan Majlis) 2001.

**(b) Risiko Mudah Tunai**

Pihak Institut mengamalkan pengurusan risiko mudah tunai yang berhemat untuk meminimumkan ketidakpadanan aset dan liabiliti kewangan dan untuk mewujudkan tahap tunai dan kesetaraan tunai yang mencukupi bagi memenuhi keperluan modal kerja.

### 3. OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO (Sambungan)

#### Objektif dan Polisi Pengurusan Risiko Kewangan (Sambungan)

##### (c) Nilai Saksama

Tunai dan kesetaraan tunai, yuran tertunggak, pelbagai dan lain-lain belum terima, pelbagai dan lain-lain belum bayar menghampiri nilai saksama kerana sifat instrumen kewangan jangka pendek.

### 4. DASAR-DASAR PENTING PERAKAUNAN

#### 4.1 Asas Penyediaan

Penyata Kewangan ini telah disediakan mengikut konvensyen kos sejarah, kecuali dinyatakan sebaliknya dalam penyata dasar individu di bawah, dan mematuhi piawaian perakaunan yang diluluskan untuk entiti selain dari entiti persendirian yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (“MASB”). Penyediaan penyata kewangan memerlukan Majlis membuat anggaran dan andaian perakaunan yang memberi kesan kepada jumlah aset dan liabiliti yang dilaporkan dan pendedahan aset dan liabiliti luar jangka pada tarikh penyata kewangan, dan jumlah pendapatan dan perbelanjaan yang dilaporkan dalam tempoh tahun kewangan yang dilaporkan. Ia turut memerlukan Majlis membuat andaian dalam proses berkaitan dasar perakaunan. Walaupun anggaran dan andaian ini berdasarkan kepada pengetahuan terbaik Majlis mengikut keadaan dan tindakan terkini, keputusan sebenar mungkin berlainan.

Penyata kewangan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (“RM”) kecuali dinyatakan sebaliknya.

#### 4.2 Kesan-Kesan Adaptasi Piawaian Laporan Kewangan (“FRS”) Baru dan disemak semula

Sejak awal tahun kewangan, Institut telah mengadaptasi FRS yang baru dan pindaan serta interpretasi IC yang dikeluarkan oleh MASB

FRS 107	:	Cash Flow Statements
FRS 111	:	Construction Contracts
FRS 112	:	Income Taxes
FRS 117	:	Leases
FRS 118	:	Revenue
FRS 120	:	Accounting for Government Grants and Disclosure of Government Assistance
FRS 124	:	Related Party Disclosures
FRS 126	:	Accounting and Reporting by Retirement Benefit Plans
FRS 129	:	Financial Reporting in Hyperinflationary Economies
FRS 134	:	Interim Financial Reporting
FRS 137	:	Provisions, Contingent Liabilities and Contingent Assets
FRS 6	:	Exploration for and Evaluation of Mineral Resources
Amendment to FRS 119 <sub>2004</sub>	:	Employees Benefits – Actuarial Gains & Losses, Group Plans and Disclosures
Amendment to FRS 121	:	The Effects of Changes in Foreign Exchange Rate – Net Investment in a Foreign Operation
IC Int 1	:	Changes in Existing Decommissioning, Restoration and Similar Liabilities
IC Int 2	:	Members’ Share in Co-operative Entities and Similar Instruments
IC Int 5	:	Right to Interests arising from Decommissioning, Restoration and Environmental Rehabilitation Funds
IC Int 6	:	Liabilities arising from Participating in a Specific Market- Waste Electrical and Electronic Equipment



## 4. DASAR- DASAR PENTING PERAKAUNAN (Sambungan)

### 4.2 Kesan-Kesan Adaptasi Piawaian Laporan Kewangan (“FRS”) Baru dan disemak semula (Sambungan)

- IC Int 7 : Applying the Restatement Approach under FRS 129<sup>2004</sup> Financial Reporting in Hyperinflationary Economies  
IC Int 8 : Scope of FRS 2

Adaptasi FRS dan IC Int yang baru dan disemak semula tidak memberi kesan penting kepada Institut.

### 4.3 Piawaian dan Interpretasi yang Dikeluarkan tetapi Belum Dikuatkuasakan

Pada tarikh pemberian kuasa penyata kewangan ini, FRS 139: Financial Instruments: Recognition and Measurement telah dikeluarkan tetapi belum dikuatkuasakan pada tahun kewangan semasa dan dengan itu tidak diguna pakai oleh Institut. Adaptasi FRS ini pada masa depan tidak akan memberi kesan material kepada penyata kewangan Institut.

### 4.4 Ringkasan Dasar- Dasar Penting Perakaunan

#### (a) Pengiktirafan Pendapatan

- (i) Yuran tahunan keahlian perlu dibayar setiap tahun pada permulaan tahun kewangan. Hanya yuran tahunan yang berkaitan dengan tahun kewangan semasa diambil kira sebagai pendapatan. Yuran berkaitan tempoh-tempoh selepas tahun kewangan semasa diambil kira di dalam Lembaran Imbangan sebagai Pendahuluan Yuran. Yuran tahunan perlu dibayar dengan penuh tanpa mengira tarikh penamatan keahlian di dalam tahun kewangan.
- (ii) Kemasukan keahlian diambil kira selepas permohonan keahlian diluluskan oleh Majlis. Yuran tahunan dan yuran kemasukan bagi permohonan yang diluluskan sebagai ahli selepas tahun kewangan tetapi telah diterima di dalam tahun kewangan diambil kira sebagai Pendapatan Tertunda.
- (iii) Pendapatan dari kursus Pendidikan Profesional Berterusan dan Induksi Keahlian diiktiraf berdasarkan pendaftaran peserta. Pendapatan yang diterima untuk aktiviti yang berlangsung selepas tahun kewangan akan diambil kira sebagai Pendapatan Tertunda.
- (iv) Pendapatan dari jualan bahan/penerbitan Teknikal diiktiraf bila barang niaga dihantar.
- (v) Pendapatan dari iklan yang dimasukkan dalam jurnal Institut diiktiraf bila penyerahan pesanan iklan diperoleh. Pendapatan yang diterima dari iklan yang berlangsung selepas tahun kewangan akan diambil kira sebagai pendapatan tertunda.
- (vi) Pendapatan dari pendaftaran calon-calon yang layak menduduki Peperiksaan Kelayakan Institut Akauntan Malaysia, diambil kira di dalam Lebihan dari aktiviti Pendidikan, diiktiraf bila permohonan tersebut diluluskan.
- (vii) Pendapatan semakan amalan diiktiraf apabila penyata bayaran dihantar kepada firma ahli setelah semakan amalan selesai.
- (viii) Pendapatan dividen diiktiraf apabila hak menerima bayaran diwujudkan.
- (ix) Pendapatan faedah diiktiraf pada asas akruan.
- (x) Pendapatan sewa diiktiraf pada asas akruan.

## 4. DASAR- DASAR PENTING PERAKAUNAN (Sambungan)

### 4.4 Ringkasan Dasar- Dasar Penting Perakaunan (Sambungan)

#### (b) Pengurangan Nilai Aset

Nilai aset yang dibawa disemak semula pada setiap tarikh lembaran imbangan untuk menentukan sama ada terdapat sebarang tanda-tanda pengurangan nilai. Sekiranya terdapat tanda-tanda sedemikian, amaun yang boleh diperoleh semula bagi aset berkenaan akan dianggarkan bagi mengenal pasti amaun pengurangan nilai.

Bagi tujuan ujian pengurangan nilai bagi aset tersebut, amaun yang boleh diperoleh semula dikenal pasti atas dasar aset individu kecuali aset tersebut tidak menjanakan aliran tunai yang sebahagian besarnya bebas dari aset lain. Jika ini adalah kesnya, amaun yang boleh diperoleh semula dikenal pasti untuk unit penjanaan tunai (“CGU”) kepada di mana aset itu berasal.

Amaun aset yang boleh diperoleh semula adalah aset yang tertinggi atau nilai sebenar CGU ditolak kos untuk dijual dan nilai penggunaannya. Dalam menilai nilai yang digunakan, anggaran masa depan aliran tunai adalah dikurangkan kepada nilai semasa menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang memberi kesan kepada penilaian pasaran semasa bagi nilai wang dan risiko khususnya kepada aset. Apabila amaun dibawa aset melebihi amaun yang boleh diperoleh semula, aset dianggap berkurang dan mengurangkan kira ke amaun boleh diperoleh semula. Pengurangan kerugian diiktiraf apabila CGU di agihkan untuk mengurangkan amaun aset dibawa dalam unit atau sekumpulan unit pada asas pro-rata.

Kerugian pengurangan nilai diiktiraf dalam penyata pendapatan dalam tempoh yang mana ia wujud.

Kerugian pengurangan nilai untuk aset diterbalikkan jika, dan hanya jika, terdapat perubahan dalam anggaran yang digunakan untuk mengenal pasti amaun yang boleh diperoleh semula bagi aset sejak kerugian pengurangan nilai diiktiraf. Amaun dibawa bagi aset meningkat kepada semakan semula amaun yang boleh diperoleh semula, jika amaun ini tidak melebihi amaun dibawa yang telah dikenal pasti (pelunasan atau susut nilai bersih) tidak ada kerugian pengurangan cukai yang diiktiraf untuk aset dalam tahun sebelumnya. Kebalikan kerugian pengurangan nilai untuk aset diiktiraf di dalam penyata pendapatan.

#### (c) Hartanah, Loji Dan Peralatan Dan Susut Nilai

Hartanah, loji dan peralatan dicatatkan pada kos ditolak susut nilai terkumpul dan kerugian pengurangan nilai terkumpul. Hartanah, loji dan peralatan diturunkan nilai pada amaun yang boleh diperoleh semula. Kos termasuklah perbelanjaan yang secara langsung menyumbang kepada perolehan peralatan.

Kos penggantian sebahagian peralatan dari hartanah, loji dan peralatan diiktiraf dalam amaun dibawa peralatan tersebut jika ada kemungkinan faedah ekonomi masa depan terangkum di dalamnya mengalir ke Institut dan kosnya boleh diukur dengan pasti. Kos penyelenggaraan harian hartanah, loji dan peralatan diiktiraf dalam penyata pendapatan seperti yang dikenakan.

Susut nilai tidak diperuntukkan bagi tanah pegangan kekal kerana ia mempunyai hayat infiniti. Bangunan atas tanah pegangan kekal dan tanah pegangan pajak dilunaskan pada kadar 2% setahun. Susut nilai hartanah, loji dan peralatan diperuntukkan berdasarkan kaedah garis lurus dikira untuk menghapus kira kos setiap aset kepada nilai sisanya sepanjang anggaran hayat kegunaannya. Nilai sisa setiap aset dan hayat kegunaannya disemak semula, disesuaikan jika perlu, pada setiap tarikh lembaran imbangan.

Kadar susut nilai tahunan adalah seperti berikut :

Peralatan pejabat	10%
Perabot dan kelengkapan	10%
Komputer	33 1/3%
Pengubahsuaian	10%

## **4. DASAR- DASAR PENTING PERAKAUNAN (Sambungan)**

### **4.4 Ringkasan Dasar- Dasar Penting Perakaunan (Sambungan)**

#### **(c) Hartanah, Loji dan Peralatan dan Susut nilai (Sambungan)**

Tanah pegangan kekal mempunyai hayat kegunaan tidak terhad, maka tiada susut nilai.

Kaedah nilai sisa, hayat kegunaan dan susut nilai disemak semula pada setiap akhir tahun kewangan bagi memastikan amaun, kaedah dan tempoh susut nilai seragam dengan anggaran sebelumnya.

Peralatan dari hartanah, loji dan peralatan tidak diiktiraf sebaik sahaja dihapuskan atau apabila tiada faedah ekonomi masa depan yang dijangkakan dari kegunaannya. Perbezaan antara kutipan penghapusan bersih, jika ada, dan amaun dibawa bersih diiktiraf dalam penyata pendapatan.

#### **(d) Yuran Tertunggak**

Yuran tertunggak selama 6 bulan dan ke atas yang terhutang daripada ahli-ahli yang telah dibatalkan keahliannya dari Daftar Ahli dan ahli Majlis berpendapat bahawa hutang tersebut tidak boleh dijelaskan oleh ahli-ahlinya akan dihapus kira di dalam Penyata Pendapatan. Anggaran dibuat untuk hutang ragu berdasarkan semakan kepada semua yuran tertunggak dalam lembaran imbangan. Terdapat hutang yang diperoleh semula secara tunai. Ahli-ahli yang masih terlibat dalam prosiding tatatertib dan mempunyai yuran tertunggak melebihi enam bulan tidak akan dibatalkan keahlian mereka dari Daftar Ahli.

#### **(e) Pelaburan**

Pelaburan dinyatakan pada kos tolak kerugian pengurangan nilai.

#### **(f) Inventori**

Penerbitan, cenderamata dan barang niaga dicatat pada nilai terendah antara kos dan nilai boleh realisasi bersih. Kos ditentukan mengikut asas masuk-dulu, keluar-dulu. Nilai boleh realisasi bersih ialah harga jualan anggaran dalam perniagaan biasa tolak kos anggaran yang perlu untuk membuat jualan.

#### **(g) Cukai Pendapatan**

Cukai pendapatan ke atas penyata pendapatan bagi tahun kewangan terdiri daripada cukai semasa dan cukai tertunda. Perbelanjaan cukai semasa adalah amaun cukai pendapatan dijangkakan perlu dibayar ke atas lebihan bercukai bagi tahun dan ditentukan mengikut kadar cukai yang dikuatkuasakan pada tarikh lembaran imbangan.

Cukai tertunda diperuntukkan dengan menggunakan kaedah liabiliti. Pada prinsipnya, liabiliti cukai tertunda diiktiraf untuk semua perbezaan sementara yang boleh ditolak, kerugian cukai yang tidak diguna dan kredit cukai yang tidak diguna, sehingga ke tahap yang mana kemungkinan bahawa keuntungan boleh cukai akan wujud ke atas perbezaan sementara yang boleh ditolak, kerugian cukai yang tidak diguna dan kredit cukai yang tidak diguna dapat digunakan.

Cukai tertunda diukur pada kadar cukai yang dijangka akan dikenakan pada tempoh apabila aset tersebut direalisasi atau liabiliti telah diselesaikan, berdasarkan kepada kadar cukai yang telah digubal atau digubal secara substantif pada tarikh lembaran imbangan. Cukai tertunda diiktiraf sebagai pendapatan atau perbelanjaan dan dimasukkan di dalam penyata pendapatan untuk tempoh, kecuali jika ia terhasil dari transaksi yang diiktiraf secara langsung dalam ekuiti, dalam kes yang mana cukai tertunda turut diiktiraf secara langsung dalam ekuiti.

## **4. DASAR- DASAR PENTING PERAKAUNAN (Sambungan)**

### **4.4 Ringkasan Dasar- Dasar Penting Perakaunan (Sambungan)**

#### **(h) Geran Kerajaan**

Geran Kerajaan pada awalnya diiktiraf pada nilai saksama dalam lembaran imbangan sebagai pendapatan tertunda yang mana terdapat jaminan munasabah bahawa geran tersebut akan diperolehi dan semua syarat berkaitan akan dipatuhi.

Tujuan geran yang didapati adalah sebagai pampasan kepada Institut atas perbelanjaan yang bermaksud. Ia akan diiktirafkan sebagai pendapatan secara sistematik dalam tempoh-tempoh masa di mana perbelanjaan digunakan.

#### **(i) Faedah kakitangan**

##### **Faedah Jangka Pendek**

Upah, gaji, bonus dan sumbangan keselamatan sosial diiktiraf sebagai perbelanjaan pada tahun yang mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh kakitangan Institut. Ketidakhadiran terimbuhi terkumpul jangka pendek seperti cuti tahunan berbayar adalah diiktiraf apabila perkhidmatan diberikan oleh kakitangan yang meningkatkan hak mereka bagi ketidakhadiran terimbuhi masa depan. Ketidakhadiran terimbuhi tak terkumpul jangka pendek seperti cuti sakit adalah diiktiraf apabila berlakunya ketidakhadiran itu.

##### **Rancangan Caruman Tetap**

Institut membuat caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Caruman sedemikian diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Pendapatan seperti yang ditanggung. Apabila caruman telah dibayar, Institut tiada obligasi bayaran lagi.

Institut memperuntukkan Skim Faedah Persaraan kepada kakitangan yang layak dikira berdasarkan kepada 16% atas gaji kasar selepas ditolak caruman wajib kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Apabila kakitangan mencapai tempoh perkhidmatan lima (5) tahun berturut, amaun ini dimasukkan ke dalam akaun KWSP kakitangan secara bulanan. Kakitangan yang menamatkan perkhidmatan sebelum melengkapkan tempoh lima (5) tahun berturut tidak layak untuk mendapat faedah ini. Caruman yang diambil kira di dalam Penyata Pendapatan tahunan merujuk kepada caruman yang terhutang kepada kakitangan yang layak untuk tahun tersebut.

#### **(j) Peruntukan untuk Liabiliti**

Peruntukan diiktiraf apabila Institut mempunyai obligasi sah pada masa kini berikutan peristiwa lepas, dan berkemungkinan aliran sumber mewujudkan faedah ekonomi akan diperlukan untuk menjelaskan obligasi, dan apabila anggaran yang boleh diyakini boleh dibuat bagi amaun tersebut. Peruntukan disemak semula pada tarikh setiap lembaran imbangan dan diselaraskan bagi menggambarkan anggaran terbaik semasa. Apabila kesan nilai masa wang adalah material, peruntukan adalah terdiskaun menggunakan pra-cukai semasa yang memberi kesan, apabila perlu, risiko khusus kepada liabiliti.

#### **(k) Transaksi Mata Wang Asing Dan Baki**

Transaksi dalam mata wang asing telah ditukarkan kepada Ringgit Malaysia, yang juga merupakan mata wang yang digunakan oleh Institut pada kadar pertukaran pada tarikh transaksi atau, apabila pembayaran belum dibuat pada akhir tahun kewangan kepada kadar pertukaran pada tarikh akhir tahun kewangan. Semua keuntungan dan kerugian pertukaran mata wang asing diambil kira dalam Penyata Pendapatan.

#### **(l) Instrumen Kewangan**

Instrumen kewangan diiktiraf dalam lembaran imbangan apabila institusi telah menjadi pihak kepada peruntukan berkontrak kepada instrumen. Kaedah pengiktirafan tertentu yang diterima

## **4. DASAR- DASAR PENTING PERAKAUNAN (Sambungan)**

### **4.4 Ringkasan Dasar- Dasar Penting Perakaunan (Sambungan)**

#### **(l) Instrumen Kewangan (Sambungan)**

pakai disertakan dalam penyata dasar perakaunan individu bergabung dengan setiap instrumen.

Instrumen kewangan dikelaskan sebagai liabiliti atau ekuiti menurut secara amnya penyusunan berkontrak. Faedah, dividen, keuntungan dan kerugian berkaitan dengan penyata kewangan dikelaskan sebagai liabiliti telah dilaporkan sebagai perbelanjaan atau pendapatan. Pengagihan kepada pemegang instrumen kewangan dikelaskan sebagai ekuiti adalah diiktiraf langsung kepada ekuiti. Instrumen kewangan diimbangi apabila Institut mempunyai hak kuat kuasa perundangan untuk melepaskan amaun yang diiktiraf dan bercadang untuk menyelesaikan sama ada pada asas bersih atau untuk merealisasi aset dan menyelesaikan liabiliti serentak.

#### **(m) Akaun Belum Terima**

Belum terima dinyatakan pada nilai jangkaan yang boleh direalisasi. Hutang lapuk dihapus kira apabila dikenal pasti. Anggaran dibuat untuk hutang ragu yang berasaskan semak semula semua amaun yang belum bayar pada tarikh lembaran imbalan.

#### **(n) Akaun Belum Bayar**

Belum bayar dinyatakan pada kos iaitu nilai saksama balasan yang akan dibayar pada masa hadapan bagi barang-barang dan perkhidmatan yang diterima.

#### **(o) Tunai dan Kesetaraan Tunai**

Tunai dan kesetaraan tunai dalam Penyata Aliran Tunai mewakili pelaburan jangka pendek, mudah tunai yang boleh ditukarkan dengan mudah kepada tunai dan tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak ketara, tolak pinjaman jangka pendek yang boleh dibayar mengikut permintaan.

Untuk tujuan Penyata Aliran Tunai, tunai dan kesetaraan tunai adalah termasuk tunai dan baki di bank dan simpanan tetap. Institut telah menerima pakai kaedah langsung dalam pembentangan Penyata Aliran Tunai.

#### **(p) Pendapatan Tertunda**

Sumbangan yang diterima awal dikreditkan ke akaun pendapatan tertunda. Amaun dalam akaun ini diiktiraf sebagai pendapatan apabila ia matang.

### **4.5 Andaian dan Anggaran Penting Perakaunan**

#### **(a) Sumber Penting Anggaran Tidak Pasti**

Andaian penting berkenaan dengan masa depan dan sumber penting lain berkenaan anggaran tidak pasti pada tarikh lembaran imbalan, yang mempunyai risiko signifikan yang menyebabkan pelarasan material kepada amaun di bawa atas aset dan liabiliti di dalam tahun kewangan akan datang adalah seperti yang tercatat di bawah :-

##### **(i) Susut nilai hartanah, loji dan peralatan**

Hartanah, loji dan peralatan mempunyai susut nilai pada asas garisan lurus dari hayat kegunaan yang dianggarkan. Pengurusan menganggarkan hayat kegunaan bagi hartanah, loji dan peralatan adalah 3 ke 10 tahun. Amaun dibawa untuk hartanah, loji dan peralatan Institut

## **4. DASAR- DASAR PENTING PERAKAUNAN (Sambungan)**

### **4.5 Andaian dan Anggaran Penting Perakaunan (Sambungan)**

#### **(a) Sumber Penting Anggaran Tidak Pasti (Sambungan)**

##### **(i) Susut nilai hartanah, loji dan peralatan (Sambungan)**

pada 30 Jun 2008 adalah RM 3,914,972 (2007: RM 3,719,145). Perubahan pada tahap penggunaan yang dijangkakan dan perkembangan teknologi akan memberi kesan kepada hayat kegunaan ekonomi dan nilai sisa bagi hartanah, loji dan peralatan. Oleh itu, caj susut nilai masa depan boleh disemak semula.

##### **(ii) Kerugian pengurangan nilai atas hartanah, loji dan peralatan**

Institut menjalankan kajian pengurangan nilai berdasarkan kepada pelbagai anggaran termasuklah nilai kegunaan CGU yang mana hartanah, loji dan peralatan diagihkan. Anggaran nilai kegunaan memerlukan Institut membuat anggaran aliran tunai masa depan yang dijangkakan dari CGU dan juga untuk memilih kadar diskaun yang sesuai bagi mengira nilai semasa aliran tunai tersebut. Nilai di bawa hartanah, loji dan peralatan Institut pada 30 Jun 2008 ialah RM 3,914,972. (2007: RM 3,719,145).

##### **(iii) Kebolehpulihan Akaun belum terima**

Institut membuat peruntukan untuk hutang tertunggak berdasarkan kepada taksiran kebolehpulihan belum terima. Peruntukan digunakan untuk belum terima sekiranya atau perubahan dalam keadaan menunjukkan amaun dibawa tidak boleh didapatkan kembali. Majlis secara khususnya menganalisis hutang lapuk sejarah, tumpuan pelanggan, kepercayaan kredit pelanggan, aliran ekonomi terkini dan perubahan dalam terma bayaran pelanggan apabila membuat pertimbangan untuk menilai kemampuan peruntukan untuk hutang tertunggak yang belum terima. Apabila jangkaan berbeza dari anggaran asal, sebarang perbezaan akan memberi kesan kepada nilai dibawa belum terima.

#### **(b) Andaian kritikal dalam menggunakan polisi perakaunan**

Tiada pertimbangan kritikal dibuat oleh pengurusan dalam proses menggunakan polisi perakaunan Institut yang memberi kesan penting ke atas amaun yang diiktiraf dalam penyata kewangan.

## 5. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

30 June 2008	Tanah Pegangan		Peralatan Komputer RM	Pengubah Suaian RM	Perabot & Kelengkapan RM	Peralatan Pejabat RM	Jumlah RM
	Kekal RM	Bangunan RM					
<b>Kos</b>							
Pada 1 Julai 2007	580,160	2,426,239	1,379,246	1,149,193	384,822	654,021	6,573,681
Tambahan	-	-	318,754	170,215	77,729	149,207	715,905
Hapus kira	-	-	(88,947)	(34,220)	(11,235)	(86,228)	(220,630)
Pada 30 Jun 2008	580,160	2,426,239	1,609,053	1,285,188	451,316	717,000	7,068,956
<b>Susut nilai Terkumpul</b>							
Pada 1 Julai 2007	-	691,780	1,063,302	485,219	250,102	364,133	2,854,536
Caj untuk tahun	-	48,645	243,673	117,645	28,871	59,046	497,880
Hapus kira	-	-	(87,662)	(26,584)	(8,480)	(75,706)	(198,432)
Pada 30 Jun 2008	-	740,425	1,219,313	576,280	270,493	347,473	3,153,984
<b>Nilai Dibawa Bersih</b>	580,160	1,685,814	389,740	708,908	180,823	369,527	3,914,972
<b>30 June 2007</b>							
<b>Kos</b>							
Pada 1 Julai 2006	580,160	2,426,239	1,114,513	1,169,248	362,841	674,796	6,327,797
Tambahan	-	-	314,560	4,857	32,456	40,772	392,645
Hapus kira	-	-	(49,827)	(24,912)	(10,475)	(61,547)	(146,761)
Pada 30 Jun 2007	580,160	2,426,239	1,379,246	1,149,193	384,822	654,021	6,573,681
<b>Susut nilai Terkumpul</b>							
Pada 1 Julai 2006	-	643,135	903,050	390,676	232,227	352,542	2,521,630
Caj untuk tahun	-	48,645	208,264	116,503	27,258	58,622	459,292
Hapus kira	-	-	(48,012)	(21,960)	(9,383)	(47,031)	(126,386)
Pada 30 Jun 2007	-	691,780	1,063,302	485,219	250,102	364,133	2,854,536
<b>Nilai Dibawa Bersih</b>	580,160	1,734,459	315,944	663,974	134,720	289,888	3,719,145

## 5. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (Sambungan)

Pada akhir tahun kewangan, pihak Institut masih belum menerima hak milik strata untuk bangunan pegangan pajakan di Sabah yang dibeli pada tahun kewangan berakhir 30 Jun 2000.

Termasuk dalam hartanah, loji dan peralatan adalah susut nilai penuh yang masih digunakan dengan kos berjumlah RM1,140,039. (2007: RM1,017,239).

## 6. PELABURAN

	<b>2008</b>	<b>2007</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Pada harga kos:-		
Saham tak sebut harga	3,000	3,000
Tambah : Pendahuluan	4,458	4,458
	<u>7,458</u>	<u>7,458</u>

Pihak Institut telah membeli pegangan sebanyak 9.09% di dalam modal saham yang di terbit dan berbayar di dalam Ultimate Professional Centre (Sarawak) Sdn Bhd dalam tahun kewangan berakhir 30 Jun 1996. Pendahuluan oleh pihak Institut adalah tidak bercagar, tanpa faedah dan tidak mempunyai tempoh berbayar yang tetap.

## 7. INVENTORI

	<b>2008</b>	<b>2007</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Pada harga kos:		
Penerbitan, cenderamata dan barang niaga	<u>319,502</u>	<u>183,474</u>

## 8. PELBAGAI PENERIMAAN, DEPOSIT DAN PRABAYAR

	<b>2008</b>	<b>2007</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Jumlah terhutang oleh peserta CPE	85,015	28,820
Pelbagai penerimaan	319,119	718,276
	<u>404,134</u>	<u>747,096</u>
Tolak : Peruntukan hutang ragu	(42,067)	(77,988)
	<u>362,067</u>	<u>669,108</u>
Prabayar	<u>719,251</u>	<u>451,537</u>
Pelbagai deposit	<u>24,068</u>	<u>165,217</u>
	<u>743,319</u>	<u>616,754</u>
	<u>1,105,386</u>	<u>1,285,862</u>

Tempoh kredit yang diberi kepada pelbagai penerimaan dan lain-lain belum terima ialah antara 30 hari hingga 60 hari (2007: 30 hari hingga 60 hari).



## 9. YURAN TERTUNGGAK

	<b>2008</b>	<b>2007</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Yuran tertunggak	6,750	28,870
Tolak: Peruntukan yuran tertunggak yang ragu	(6,750)	(28,870)
	<u>          </u>	<u>          </u>
	<u>          </u>	<u>          </u>
	-	-

Tempoh kredit yang diberi kepada ahli-ahli untuk yuran boleh terima ialah 60 hari (2007: 60 hari).

## 10. AKAUN AMANAH INSTITUSI

Pihak Institut telah melaburkan dana di dalam satu Akaun Amanah Institusi yang dikelolakan oleh Amanah Raya Berhad, satu syarikat awam liabiliti terhad yang ditubuhkan di Malaysia. Kadar dividen kasar boleh terima oleh Institut ialah 5% setahun (2007 : 5% setahun) dan tempoh matang pelaburan ialah satu tahun.

## 11. SIMPANAN TETAP DI INSTITUSI KEWANGAN BERLESEN

Kadar faedah efektif bagi deposit tetap dengan bank-bank berlesen ialah di antara 3.10% hingga 3.70% (2007: 2.70% hingga 4.00%) setahun. Tempoh matang simpanan tetap ialah antara 30 hari hingga 1 tahun (2007 : 30 hari hingga 1 tahun).

## 12. AKAUN KONGRES AKAUNTAN SEDUNIA 2010 (“WCOA 2010”)

Pada tahun kewangan yang lepas, Institut telah menerima geran kerajaan sebanyak RM10juta untuk projek Kongres Akauntan Sedunia 2010 (WCOA 2010) mengikut terma dan syarat tertentu.

Satu akaun telah dibuka atas nama ‘Kongres Akauntan Sedunia 2010’ yang ditadbirkan oleh sebuah Jawatankuasa Khas yang terdiri dari wakil-wakil dari Kementerian Kewangan dan Perbendaharaan. Laporan perbelanjaan dihantar kepada mereka setiap tiga bulan.

Berikut ialah penyata Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan dan Penyata Aliran Tunai berkaitan dengan Kongres Akauntan Sedunia 2010:

<b>WCOA 2010</b>	<b>2008</b>	<b>2007</b>
<b>Lembaran Imbangan Pada 30 Jun 2008</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>
<b>Aset Semasa</b>		
Pelbagai penerimaan	1,596	2,811
Akaun amanah institusi	8,913,156	8,536,096
Simpanan tetap dengan institusi kewangan berlesen	775,071	1,250,000
Baki dibank	93,668	253,521
	<u>9,783,491</u>	<u>10,042,428</u>
<b>Liabiliti Semasa</b>		
Akruan	4,767	1,775
Jumlah terhutang pada MIA	176,323	1,000
	<u>181,090</u>	<u>2,775</u>
<b>Aset Semasa Bersih</b>	<b><u>9,602,401</u></b>	<b><u>10,039,653</u></b>
<b>Dana Terkumpul</b>		
Baki Pada 1 Julai	10,039,653	-
(Kurangan)/Lebihan bersih pada tahun kewangan	(437,252)	10,039,653
Baki pada 30 Jun	<u>9,602,401</u>	<u>10,039,653</u>

12. AKAUN KONGRES AKAUNTAN SEDUNIA 2010 (“WCOA 2010”) (“Sambungan”)

**WCOA 2010**

**Penyata Pendapatan Untuk Tempoh Berakhir 30 Jun 2008**

	<b>2008</b>	<b>2007</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
<b>Pendapatan</b>		
Dividen dari akaun amanah institusi	435,391	36,096
Faedah deposit tetap	32,629	2,811
Geran diterima	-	10,000,000
Faedah pendapatan dari akaun semasa	4,949	2,549
	<u>472,969</u>	<u>10,041,456</u>
<b>Tolak : Perbelanjaan</b>		
Pentadbiran	(457,573)	-
Yuran penerimaan	(55,553)	-
Ganjaran juruaudit	(4,500)	(1,500)
Caj bank	(83)	-
Dokumen pembidaan	(14,679)	-
Penghantaran/ Pengedaran	(140)	-
Mesyuarat	(157,519)	-
Pelbagai perbelanjaan	(8,501)	(303)
Promosi lain	(101,849)	-
Percetakan/Promosi	(31,594)	-
Cukai perkhidmatan	(2,778)	-
Pemeriksaan tapak	(33,639)	-
Penajaan	(41,813)	-
	<u>(910,221)</u>	<u>(1,803)</u>
<b>(Kurangan)/ Lebihan sebelum cukai</b>	<u><u>(437,252)</u></u>	<u><u>10,039,653</u></u>

12. AKAUN KONGRES AKAUNTAN SEDUNIA 2010 (“WCOA 2010”) (“Sambungan”)

**WCOA 2010**

**Penyata Aliran Tunai Untuk Tempoh Berakhir 30 Jun 2008**

	<b>2008</b>	<b>2007</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
<b>Aliran Tunai dari Aktiviti Operasi</b>		
Penerimaan tunai		
Geran	-	10,000,000
Tunai diterima dari Institut Akauntan Malaysia	-	1,000
	<u>-</u>	<u>10,001,000</u>
